

BAB EMPAT


PRESKRIPSI DAN KAEDAH RAWATAN BERKENAAN PENYAKIT

DEMAM BERDASARKAN MANUSKRIP MSS 2502

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai kaedah rawatan terhadap penyakit demam sebagaimana yang ditawarkan di dalam MSS 2502. Hal ini, dilihat amat penting untuk kita soroti dengan lebih terperinci mengenai ilmu rawatan kesihatan yang ditawarkan oleh para pengamal perubatan terdahulu dari kedua-dua aspek ini bagi menangani penyakit demam yang tular sepanjang tempoh tersebut. Sepanjang sorotan terhadap manuskrip MSS 2502 ini penulis mendapati terdapat sebanyak 19 kali anjuran preskripsi bagi rawatan penyakit demam sediakala, 12 kali preskripsi bagi rawatan penyakit demam kepialu dan 21 kali preskripsi bagi rawatan penyakit demam kura.

RAJAH 6: Kekerapan Preskripsi Rawatan Penyakit Demam Berdasarkan MSS 2502



Berdasarkan taburan kekerapan preskripsi yang ditawarkan bagi varian penyakit demam sebagaimana di dalam Rajah 6 di atas, kajian mendapati hanya terdapat lapan preskripsi bagi demam sediakala yang dapat di baca secara lengkap, tiga preskripsi lengkap bagi rawatan demam kepialu dan 15 preskripsi bagi demam kura. Unikinya, preskripsi-preskripsi yang ditawarkan ini mengandungi pelbagai jenis materia medika yang datang daripada (1) flora dan fauna, (2) bahagian haiwan tertentu, (3) penggunaan tangkal dan azimat dan (4) penggunaan ayat al-Quran. Analisis mengenai kaedah rawatan dalam menangani penyakit demam ini di perincikan sebagaimana di bawah;

4.2 PRESKRIPSI DAN KAEDAH RAWATAN PENYAKIT DEMAM SEDIAKALA


Demam sediakala ini telah disebut sebanyak 19 kali sebutan preskripsinya di dalam manuskrip MSS 2502. Meskipun begitu apabila proses transliterasi dilakukan hanya terdapat lapan kaedah/preskripsi sahaja yang dapat dibaca dengan lengkap manakala teks yang lain tidak dapat digunakan kerana terdapat bahagian yang tidak dapat ditrasliterasikan dengan sempurna oleh kerana faktor teks yang kabur dan tulisan yang bertindan. Berdasarkan lapan preskripsi lengkap yang ditawarkan penulis kitab ini, pengkaji dapati bahawa melalui simptom yang dihadapi oleh pesakit penyakit demam sediakala ini juga merujuk kepada jenis ‘demam ketika yang lama’, ‘demam yang lama selang-selang hari’, ‘demam sediakala’, ‘demam yang lama’, ‘demam tiada berkebah’ dan ‘demam tiada berkesudahan panas’. Persamaan simptom ini dapat dilihat apabila suhu badan pesakit boleh mencecah kira-kira 97°F (36.1°C) dan 99°F (37.2°C) dalam tempoh yang berpanjangan serta lebih rendah pada waktu pagi dan lebih tinggi pada lewat petang dan malam. Selain itu, tubuh badan pesakit juga menjadi lemah dan akan

merasa sakit di seluruh badan.¹⁶⁸ Demam ini juga boleh disebabkan oleh banyak faktor. Untuk memastikan sebab mengapa gejala demam seseorang tidak kebah, maka di nasihatkan untuk mendapatkan pengesahan dari pakar perubatan.

Analisis mendapati terdapat variasi bagi penggunaan materia medika yang digunakan, malah terdapat elemen ayat al-Quran dan haiwan atau bahagian tertentu haiwan yang diaplikasikan sebagai salah satu daripada ikhtiar rawatan. Perincian mengenai preskripsi ini dibincangkan sebagaimana di bawah;

4.2.1 Penggunaan Ayat Al-Quran

Preskripsi 1: Demam Yang Lama



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam yang lama atau barang suatu penyakit tiada mau nyaman dalam tubuh ambil daun halia segenggam herat pipis ambil airnya sama banyaknya masaklah maka minum tiga pagi hendaklah pada sebulan tiga kali minum banyak manfaatnya dan segala yang pucat mukanya afiyat

¹⁶⁸ Zubaidi Haji Ahmad. Pengetahuan Dan Pengalaman. Op.cit.

olehnya ini ayat yang dibacakan pada ubun-ubunnya *وننزل من القرآن ما هو شفاء ورحمة للمؤمنين*¹⁶⁹

Jadual 9: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Yang Lama

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Daun Halia	Segenggam ¹⁷⁰
Jumlah		Segenggam

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ubat demam yang lama atau sesuatu penyakit yang tidak elok dalam tubuh, hanya dengan menggunakan daun halia sahaja. Lumatkan daun halia. Ambil air dari hasil lumatkan daun halia tadi sama banyak, dan diminum setiap pagi selama tiga hari sebulan. Seterusnya, baca ayat dari surah al-Israk ini pada ubun-ubun pesakit. *وننزل من القرآن ما هو شفاء ورحمة للمؤمنين* yang bermaksud “Dan Kami turunkan dari Al-Qur'an (sesuatu) yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman”. Penggunaan ayat Al-Quran dalam petikan ayat di atas dikonsepskan sebagai doa yang bertindak sebagai ubat yang mampu merawat penyakit dalaman dan luaran badan manusia. Sehubungan dengan itu, bacaan dari potongan ayat Al-Quran digunakan dengan tujuan untuk mengubat, pendinding dan lain-lain lagi.

- i. Halia adalah sejenis bahan biasa yang boleh ditemui dalam ubatan tradisional di seluruh dunia. Halia merupakan sejenis rempah berakar dengan rasa pedas, yang memiliki sifat perubatan dan manfaat kesihatan. Kebiasaannya, halia akan

¹⁶⁹ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:119. h. 21. (surah al-Israk: ayat 82)

¹⁷⁰ Banyak yang dapat dipegang dalam tangan yang dikepalkan. (Kamus Pelajar Edisi Kedua).

dibuat sebagai air minuman. Ia banyak tumbuh di negara-negara bercuaca panas termasuk di China, India, Afrika, rantau Caribbean dan sudah pasti di nusantara. Pada zaman pemerintahan Dinasti China, mereka telah mencadangkan penggunaan halia bagi melawan loya, mengurangkan keradangan, mengurangkan osteoarthritis, membantu mengawal kolestrol dan melegakan kesakitan haid. Ianya antara bahan versatil yang boleh ditambahkan dalam minuman *smoothie*, sayuran, kari atau kuah, sup mahupun teh halia. Satu sudu kecil halia segar mengandungi 4.8 kalori, 1.07 gram karbohidrat, 0.12 gram serat diet, 0.11 gram protein, 0.05 gram lemak dan 0.1 gram gula. Halia mengandungi sebahagian daripada analgesik yang kuat atau dikenali sebagai ubat penahan sakit dan bersifat sebagai pencegah keradangan yang mana berkesan dalam mengurangkan sakit dan bengkak bagi pesakit penghidap osteoarthritis dan rheumatoid arthritis. Sebatian aktif dalam halia bertindak sebagai ubat yang berkesan untuk melegakan loya yang berkait dengan mabuk. Dengan mengambil 1gram halia setiap hari ia dapat membantu mengurangkan loya bagi wanita mengandung yang sering mengalami alahan 'morning sickness'. Mengambil halia pada awal tempoh haid boleh mengurangkan gejala senggugut atau dysmenorrhea dalam kalangan wanita. Menurut ramai pengkaji, halia membantu dalam merendahkan paras 'Low Density Lipoproteins' atau kolestrol buruk, yang dikenali sebagai peningkat risiko bagi kadar sakit jantung. Bagi mendapatkan hasil yang terbaik tambahkan halia dalam diet seharian. Kita boleh mengambil halia dalam bentuk teh atau makanan tambahan untuk membantu penghadaman. Halia mampu bertindak sebagai agen pembakar lemak bagi menghapuskan lemak tepu di dalam badan. Ia juga membantu dalam proses penghadaman dan meningkatkan kadar metabolisme di dalam badan. Halia

membantu dalam memperbaiki imuniti dalam badan. Dengan pengambilan hirisan kecil halia sehari, dapat membantu dalam mengurangkan risiko penyakit strok dengan menghapuskan lemak yang terkumpul di dalam saluran arteri. Pengambilan halia menggalakkan pundi hempedu merembeskan cecair coklat kekuningan atau dikenali sebagai 'bile', yang merangsang penghadaman. Halia juga mampu melegakan kejang perut, diarrhea dan kembung yang disebabkan oleh gastritis. Hadirnya satu kompaun di dalam halia yang dikenali sebagai *gingerol* menjadi agen pencegah sel kanser terutamanya dalam rawatan kanser payudara dan juga kanser ovari. Selain itu, halia juga dapat melegakan batuk dan sakit tekak. Potongkan sedikit halia segar menjadi kepingan kecil dan masukkan ke dalam air yang mendidih selama 3-5 minit. Biarkan ia terendam seketika kemudian campurkan madu secukup rasa dan minum ketika air dalam keadaan hangat atau suam bagi melegakan sakit tekak. Kunyah sedikit halia mentah atau rebus halia di dalam air kemudian hidu wap yang terhasil. Selain itu, kaedah penggunaan serbuk halia kering yang dicampurkan dengan sedikit air dan sapukan didahi dapat membantu mengurangkan sakit kepala.¹⁷¹ Halia mengandungi kromium, magnesium dan zink yang mampu membantu meningkatkan kitaran darah dan mampu membantu mencegah kita daripada demam dan mengalami peluh yang berlebihan.

Dalam satu kajian kecil yang dilakukan, menyatakan tumbuhan ini mungkin dapat membantu tubuh badan untuk menggunakan insulin dengan lebih baik. Ia juga dikatakan dapat membantu memperbaiki tahap gula dalam

¹⁷¹ Astro Awani, Februari 20, 2019. Jangan Dipandang Rendah Halia, Ini 10 Khasiat Yang Perlu Anda Tahu. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/jangan-dipandang-rendah-halia-ini-10-khasiat-yang-perlu-anda-tahu-198962>. diakses: 28 Jun 2022.

darah untuk individu yang mengalami diabetes. Menurut pengkaji yang lain pula, dikatakan halia mungkin dapat membantu tubuh badan untuk merendahkan paras kolesterol dalam darah. Ini sekali gus dapat membantu mencegah individu daripada mengalami sakit jantung. Halia mengandungi kromium, magnesium dan zink yang mampu membantu meningkatkan kitaran darah dan mampu membantu mencegah kita daripada demam dan mengalami peluh yang berlebihan.¹⁷²

- ii. Penggunaan ayat Al-Quran dari surah Al-Israk', ayat 82, *وننزل من القرآن ما هو شفاء ورحمة للمؤمنين* yang bermaksud "Dan Kami turunkan dari Al Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman".

Al-Qurthubi menjelaskan, ada beberapa pendapat dalam menafsirkan kata *syifa`* pada ayat di atas. Pertama, Al-Quran dapat menjadi terapi kepada jiwa seseorang yang dalam keadaan kegelisahan dan keraguan. Kedua, Al-Quran dapat membuka jiwa seseorang yang tertutup dan dapat menyembuhkan jiwa yang rapuh. Ketiga, dengan membaca Al-Quran juga ia menjadi terapi untuk menyembuhkan penyakit jasmani. Hal yang sama juga dikemukakan Ibnu Qayyim al-Jauziyah. Membaca Al-Quran dapat mengubati penyakit jasmani dan rohani seseorang. Bagi Ibnu Qayyim, sumber penyakit rohani ketika seseorang menuntut ilmu ialah bukan karena Allah dan tujuan hidupnya bukan mencari redha Allah. Keadaan ini akan mengakibatkan kesesatan dan kerosakan jasmani dan rohani. Ubat penawar yang mujarab untuk mengubati kedua penyakit ini

¹⁷² Asyikin Md Isa. 2022. Disemak secara perubatan oleh Dr. Joseph Tan. Rupanya Ada Banyak Manfaat Halia, Boleh Elak Kuman Dan Kuatkan Imun Badan!
<https://hellodoktor.com/pemakanan/fakta-nutrisi/manfaat-halia/>. diakses: 28 Jun 2022.


adalah dengan mendekati diri dengan Al-Quran. Al-Quran menunjukkan jalan terbaik untuk memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat. Selain itu, seseorang yang mendekati diri dengan Al-Quran, ia akan memperoleh pertolongan Al-Quran di hari kiamat. Sebagaimana dalam penjelasan hadis Nabi Muhammad SAW *أَقْرَأُوا الْقُرْآنَ، فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ* “Bacalah Al-Quran kerana sesungguhnya pada hari kiamat ia akan hadir memberikan pertolongan kepada orang-orang yang membacanya.” (HR Baihaqi).

Seseorang yang jiwanya sedang gelisah datang berjumpa Abdullah Ibn Mas'ud. Orang tersebut meminta nasihat kepada Ibn Mas'ud, berkaitan keadaan hatinya yang gelisah. Kemudian, Ibn Mas'ud menasihati orang itu untuk membaca Al-Quran, mendengarkan bacaan Al-quran orang lain, mendatangi tempat di mana banyak orang membaca Al-Quran, dan memahami perintah Allah dalam Al-Quran. Setelah mengamalkan nasihat dan pesanan Ibn Mas'ud untuk bersahabat dengan Al-Quran, orang itu merasakan ketenangan jiwa, kejernihan fikiran, dan kesihatan jasmani.

Dalam merawat demam pula, iaitu penyakit jasmani manusia, pengamal perubatan dahulu merawat pesakit dengan membaca potongan ayat tersebut pada ubun-ubun. Penggunaan ayat Al-Quran dalam petikan ayat di atas dikonsepsikan sebagai doa yang bertindak sebagai ubat yang mampu merawat penyakit dalaman dan luaran badan manusia. Sehubungan dengan itu, bacaan dari potongan ayat Al-Quran digunakan dengan tujuan untuk mengubat, pendinging dan lain-lain lagi.

4.2.2 Penggunaan Bahagian Haiwan

Preskripsi 2: Demam Sediakala



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam sediakala ambil kulit harimau disurih barang suatu raqam (wafaq) maka bakar pertangaskan afiyat olehnya.¹⁷³

Jadual 10 : Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Sediakala

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Kulit Harimau	Tidak dinyatakan
	Jumlah	Tidak dinyatakan


Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ubat demam sediakala hanya dengan menggunakan kulit harimau sahaja. Kulit harimau perlulah disurih dengan raqam tertentu, kemudian dibakar dan ditangaskan oleh pesakit. Walaubagaimanapun, penulis kitab tidak menyatakan raqam tersebut.

4.2.3 Penggunaan Herba/Tumbuhan

a. Preskripsi 3: Demam Ketika Yang Lama

¹⁷³ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:109. h. 20.



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam ketika yang lama ambil daun tatar tujuh helai dan lada tujuh biji akan airnya cuka masam maka dipipis lumat-lumat maka peram airnya diminum dan ketika datang demam itu tiga kali pada keduanya daun kayu itu lima bonglai pula datang pada ketiga kalinya tiga helai pula lada pun demikian juga mujarab.¹⁷⁴

Jadual 11: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Ketika Yang Lama

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Daun Tatar	7
2.	Lada	7
3.	Cuka	1
4.	Bonglai	5
	Jumlah	20

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas dapat dilihat tiga kaedah rawatan penyakit demam ketika yang lama. Ia memerlukan penggunaan tujuh helai daun tatar yang dipipis lumat-lumat bersama dengan tujuh biji lada dan diminum bersama air cuka masam. Jika sekiranya demam berterusan maka penulis kitab mencadangkan agar preskripsi di atas ditambah dengan lima helai pucuk bonglai. Sekiranya suhu badan pesakit tidak berkebah juga,

¹⁷⁴ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:116. h. 21.

penulis kitab mencadangkan preskripsi pertama ditambahkan ramuan sebanyak tiga helai bonglai dan tiga biji lada.

- i. Lada mempunyai rasa pedas yang kuat yang berasal dari kandungan piperine. Kandungan piperine dalam lada boleh bertindak sebagai antidepresan yang kuat untuk membantu merawat kemurungan, meningkatkan kebolehan kognitif dan membantu mengatasi kanser. Pati minyak yang terkandung dalam lada sebenarnya boleh mengurangkan kebimbangan dan kerisauan yang berlebihan. Selain itu, kandungan ekspektoran dalam lada akan membantu memecahkan lendir dan kahak dalam saluran pernafasan apabila seseorang mengalami selesema. Ini kerana selesema menyebabkan saluran pernafasan tersumbat oleh selaput lendir. Jadi apabila selesema dan sukar bernafas, anda boleh makan sup suam yang ditambah lada secukup rasa. Lada juga mengandungi minyak atsiri yang merupakan agen antiseptik dan diuretik yang berfungsi untuk menurunkan panas ketika demam, dan menjaga suhu badan agar tetap normal. Di samping itu, agen antioksidan yang terdapat dalam lada boleh meneutralkan sebatian berbahaya dalam badan dan melindungi sistem imun daripada pelbagai keadaan seperti penuaan pramatang yang dicirikan seperti kedutan, bintik-bintik penuaan, dan hilang ingatan.¹⁷⁵
- ii. Bonglai merupakan sejenis tumbuhan dari keluarga Zingiberaceae. Bonglai merupakan tumbuhan berumpun dari famili halia. Nama lain bagi bonglai ialah bonglai bukit untuk Melayu, mangkulai dan benggale di Bali, Pandhiyang di Madura dan Plai di Thailand.¹⁷⁶ Di Malaysia, biasanya bonglai dijumpai di

¹⁷⁵ Nina Hertiwi Putri. 15 Mei 2020. Manfaat Lada Atau Merica, Dari Melegakan Pernapasan Hingga Mencegah Kanker. Kementerian Kesehatan Republik Indonesia. diakses: 14 Jun 2022.

¹⁷⁶ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 6-8.

kawasan tepi sungai dan belukar terutamanya kawasan kebun getah kerana tumbuhan ini memerlukan kawasan yang bersaliran dan kawasan yang agak lembab supaya dapat tumbuh dengan baik serta subur. Di Laos, bonglai digunakan dalam merawat demam, cirit-birit, gangguan usus dan penawar racun. Bunganya berwarna merah seakan-akan bunga lempoyang. Sama seperti tumbuhan lain dalam keluarga halia ia membiak melalui biji benih dan keratan batang (rizom). Rizom bonglai agak menyerupai akar halia dan lengkuas yang mana ia digunakan dalam perubatan, urutan dan masakan. Bonglai digunakan di seluruh Asia Tropika untuk tujuan perubatan yang mana bahagian rizom bonglai digunakan untuk mengatasi demam panas dan reumatisme,¹⁷⁷ sakit kepala, batuk berkahak, angin dalam perut, sembelit, sakit kuning dan penyakit cacing¹⁷⁸ kerana ia bersifat antibiotik, antifungal dan antioksidan.¹⁷⁹ Selain itu, rizom bonglai juga digunakan untuk membuat ubat luaran rawatan seperti bisul dan juga digunakan sebagai ramuan jamu bagi wanita selepas bersalin. Ia juga digunakan untuk mengempiskan perut selepas bersalin serta mengatasi masalah kegemukan.¹⁸⁰ Dalam perubatan tradisi untuk mengatasi masalah kegemukan, rizom bonglai dan temulawak digunakan sebesar ibu jari, kemudian dicuci dan

¹⁷⁷ Hean Chooi Ong. 2008. *Rempah Ratus: Khasiat Makanan Dan Ubatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd h. 83

¹⁷⁸ n.a. 2019. Zingiber Montanum (Cassumunar Ginger) dalam CABI: Invasive Species Compendium diakses di <https://www.cabi.org/isc/datasheet/57536>. Lihat dalam Anasamy T, Abdul AB, Sukari MA et.al (2013), *A Phenylbutenoid Dimer, cis-3-(3',4'-Dimethoxyphenyl)-4-[(E)-3''',4'''-Dimethoxystyryl] Cyclohex-1-ene, Exhibits Apoptogenic Properties in T-Acute Lymphoblastic Leukemia Cells via Induction of p53-Independent Mitochondrial Signalling Pathway* dalam Evidence-Based Complementary and Alternative Medicine: ECAM:939810, Diakses di <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3603377/>.

¹⁷⁹ Boonyanugomol.W. et.al. 2017. "In Vitro Synergistic Antibacterial Activity Of The Essential Oil From "Zingiber Cassumunar" Roxb Against Extensively Drug-Resistant Acinetobacter Baumannii Strains", dalam Journal of Infection and Public Health. 10 (5): 586–592. Lihat juga Samy, Joseph (2005), *Herbs Of Malaysia: An Introduction To The Medicinal, Culinary, Aromatic And Cosmetic Use Of Herbs*, Federal Publications Sdn Bhd: Kuala Lumpur,75.

¹⁸⁰ Hean Chooi Ong. Op.cit.


diparut halus. Tambahkan satu sudu makan air perahan limau nipis dan dua sudu makan madu. Kemudian gaul sebati, perah dan tapis. Air perahan tersebut boleh diminum dua hingga tiga kali sehari. Di Indonesia, rizom yang ditumbuk digunakan untuk rawatan sakit kepala dengan mencampurkan pelbagai herba lagi. Bahagian daun bonglai yang direbus boleh dijadikan minuman untuk menghilangkan demam, sakit urat, menambahkan selera dan ia juga boleh digunakan untuk mengubat luka. Daunnya yang ditumbuk lumat boleh ditampal didahi dan pelipis untuk menghilangkan sakit kepala. Dalam perubatan Melayu kayu bonglai merujuk kepada dua jenis tumbuhan iaitu *Oroxylum indicum* dan *Pajanelia longifolia*. Kulit kayu bonglai yang direbus boleh digunakan untuk mengubat sakit pinggang, buang angin, buasir, lemah jantung, sakit lutut, kesuburan rambut, pening kepala dan jerawat. Ini kerana bonglai berfungsi sebagai agen analgesik, antineuralgik, antikeradangan, antiseptik, antipasmodik, antitoksik, antivirus, karminatif pencernaan, diuretik, laksatif, rubefasien, stimulant dan tonik. Kulitnya juga boleh dijadikan ubat sakit hepatitis kerana ia mengandungi alkaloid, asid tannik, galaktos dan sitosterol. Terdapat kajian yang mendapati bahawa ekstrak dari ubi bonglai putih dapat melindungi sel dari terdedah kepada tekanan yang disebabkan oleh pengoksidaan.¹⁸¹ Di Thailand, bonglai dijadikan minyak aromaterapi dan juga sebagai campuran minyakurut untuk mengatasi masalah otot, meredakan kesakitan dan keradangan.¹⁸² Satu kajian dari Jepun pada tahun 1991 menunjukkan bahan aktif bonglai iaitu E-1-(3,4-dimethoxyphenyl)but-1-ene yang mana ianya dapat bertindak sebagai agen

¹⁸¹ Pokok Herba. World Documents. 2015. <https://fdocuments.net/document/pokok-herba-1doc.html?page=9>. diakses: 3 Julai 2022.


¹⁸² Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 9.

analgesik dan anti-radang.¹⁸³ Bonglai juga terbukti menunjukkan sifat aktif sebagai racun perosak dan racun kulat yang mana sebatian minyak pati dan terpinen-4-ol dari rizom bonglai mempunyai antimikroba dan berkesan melawan pelbagai bakteria termasuk XDR Acinetobacter baumannii, Salmonella paratyphi, S. typhi dan Shigella flexneri.¹⁸⁴

b. Preskripsi 4: Demam Yang lama Selang-Selang Hari



ما هو شفاء ورحمة المؤمنين بجبال ال اوبه دم يعلام انوسلخ م هاري اميل
هبي كوپه دان هبي سره دان هبي جكر دان هبي كلادي فوسه دان جنتن
هبيتم دان كنني مسوي دان باوع ميره كيلغ لومه م كن ايرت اكر كاهفاني



دان اكر چله لاجودان اكر تفهم مكدياسه يدق كن سلوه توبه چكلو
هندق دميينم فود: بايكن ينج جرن ايتله كيت امير مانه عافله الله

Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam yang lama atau selang-selang hari ambil ubi kunyit dan ubi serai dan ubi cekur dan ubi keladi putih dan jintan hitam dan ganti meswi dan bawang merah dan giling lumat-lumat akan airnya akar kalampani dan akar celata lancu dan akar tempam maka diasah bedakkan seluruh tubuh jikalau hendak diminum pun baik yang jernih itulah kita ambil minum afiyat olehnya.¹⁸⁵

¹⁸³ Ozaki.Y, Kawahara.N, Harada.M. 1991. "Anti-Inflammatory Effect Of Zingiber Cassumunar Roxb. And Its Active Principles", dalam Chemical & Pharmaceutical Bulletin. 39 (9): 23-53.

¹⁸⁴ n.a. 2019. Zingiber Montanum. Op.cit. 233-238.

¹⁸⁵ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:120. h. 21 & 22.

Jadual 12: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Yang Lama Selang-Selang Hari

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Ubi Kunyit	1
2.	Ubi Serai	1
3.	Ubi Cekur	1
4.	Ubi Keladi Putih	1
5.	Jintan Hitam	1
6.	Ganti Meswi	1
7.	Bawang Merah	1
8.	Akar Kalampani	1
9.	Akar Celata Lancu	1
10.	Akar Tempam	1
Jumlah		10

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ubat demam yang lama atau selang-selang hari, giling lumat-lumat ubi kunyit, ubi serai, ubi cekur, ubi keladi putih, jintan hitam, ganti meswi dan bawang merah sehingga keluar air. Akar kalampani, akar celata lancu dan akar tempam perlu diasah. Sapukan ramuan tersebut ke seluruh badan pesakit. Boleh juga dibuat minum.

- i. Ubi Kunyit/Kunyit (*Curcuma longa* L.) yang berasal dari keluarga *Zingiberaceae* merupakan sejenis tumbuhan masakan dan ubatan. Kunyit membiak melalui keratan rizom. Peranan kunyit dalam perubatan telah dikenal pasti sejak 3000 tahun lamanya. Bagi masyarakat Melayu, kunyit diminum sebagai jamu terutamanya bagi ibu selepas bersalin. Tujuannya adalah untuk mengecutkan rahim dan mencuci darah. Masyarakat Cina pula percaya bahawa kunyit boleh melancarkan peredaran darah dan menghilangkan kesan lebam dan darah beku. Dalam perubatan Thai, kunyit digunakan untuk merawat bisa

patukan ular tedung. Masyarakat Melayu Sarawak mengamalkan bunga kunyit sebagai ulam terutama bagi wanita selepas bersalin. Ia dikaitkan sama khasiatnya dengan mengamalkan ibu kunyit, iaitu menyembuhkan luka bersalin dan memulihkan rahim dan untuk awet muda. Ini kerana kunyit mempunyai sifat antibakteria yang membantu mempercepatkan proses penyembuhan luka.¹⁸⁶ Pengamal perubatan tradisional mengakui kunyit boleh membantu mengatasi masalah demam kuning, darah tinggi, batuk, cirit-birit, radang ginjal, kekejangan dan sebagai penyegar badan.¹⁸⁷ Bahan kimia utama yang terkandung dalam kunyit terdiri daripada Curcumin.¹⁸⁸ Curcumin merupakan komponen utama curcuminoids yang bertindak sebagai agen antiradang dan untuk itu, ia telah digunakan dalam penyembuhan luka, hepatoprotection (keupayaan untuk melindungi kerosakan hati), dan neuroprotection. Kunyit juga dianggap sebagai herba yang paling berkesan untuk menghalang keradangan sakit sendi selain daripada mengurangkan kesakitan. Pengambilan harian sebanyak 4 mg curcuminoids boleh menghalang keradangan sendi arthritis.¹⁸⁹ Penyelidikan yang dijalankan dalam kalangan penduduk Asia mendapati bahawa individu yang makan lebih banyak kari mendapat skor yang lebih tinggi pada ujian fungsi kognitif (ujian yang mengukur ingatan, rentang perhatian, dan sebagainya) berbanding daripada mereka yang tidak makan rempah ratus dengan mencukupi. Para saintis mencatatkan manfaat ini terhasil daripada kunyit, yang merupakan

¹⁸⁶ Noraida Arifin. 2005. *Penyembuhan Semula Jadi Dengan Herba*. PTS. h. 127.

¹⁸⁷ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 57 & 58.

¹⁸⁸ Hannef Esquander. 7 Herba dan Tumbuhan Perubatan Malaysia Baik Untuk Kesihatan Anda.

<https://www.homage.com.my/ms/kesihatan/ubatan-herba/>. diakses: 28 Jun 2022.

¹⁸⁹ Farah Aziz. 2020. Kunyit: Peranannya Bukan Sekadar Penyeri di Dapur. Disemak secara perubatan oleh Dr. Gabriel Tang Pei Yung. <https://hellodoktor.com/pemakanan/fakta-nutrisi/manfaat-kunyit-terhadap-kesihatan/>. diakses: 10 Jun 2022.

sebahagian daripada diet utama masyarakat di Asia.¹⁹⁰ Menurut tinjauan 2017 dalam jurnal Farmakologi Penyelidikan, antioksidan tumbuhan ini (curcumin) dan sebatian antiradang boleh membantu melindungi daripada keadaan jantung tertentu, termasuk penyakit otot jantung dan arrhythmia (degupan jantung yang tidak teratur). Terdapat juga penyelidikan yang membuktikan kunyit menguatkan pundi hempedu, menyekat pembekuan darah yang bahaya, mengurangkan toksin hati, membantu metabolisma lemak dan anti keradangan yang bukan steroid.¹⁹¹ Kunyit juga mempunyai sifat analgesik yang dapat mengurangkan kesakitan. Ia digunakan bagi merawat luka luaran dan dalaman.¹⁹²

- ii. Ubi Serai-Menurut Jabatan Pertanian Malaysia, serai atau nama botaninya (*Cymbopogon citratus*) ialah sejenis tanaman dari famili Graminae/Poaceae yang dikenali juga dengan nama-nama seperti takrai (Thailand), sereh makan (Indonesia) atau lemongrass (Inggeris).¹⁹³ Dalam *Journal of Agriculture and Food Chemistry* (2005), serai mengandungi beberapa jenis antioksidan yang dapat melawan radikal bebas dalam tubuh kita. Antara jenis antioksidan yang terkandung dalam serai termasuklah *chlorogenic acid*, *isoorientin*, dan *swertiajaponin* yang berfungsi mencegah kerosakan sel di dalam arteri koronari. Serai sering digunakan sebagai bahan utama dalam minyak angin kerana ia adalah herba yang bernilai tinggi untuk rawatan demam, senak perut, perut memulas, gastrik dan muntah. Ia juga boleh bertindak sebagai minyak angin untuk rawatan sakit sendi, terseliuh dan rawatan sakit-sakit yang ringan.

¹⁹⁰ Ibid.

¹⁹¹ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 58.

¹⁹² Noraida Arifin. Op.cit.

¹⁹³ Nazurah Hassan. 2020. 10 Khasiat Serai Untuk Kesihatan. Ada Bezanya Serai Makan & Serai Wangi Tau!. <https://siraplimau.com/khasiat-serai-untuk-kesihatan/>. diakses: 28 Jun 2022.

Menurut *Medical News Today*, serai mampu mengurangkan kesakitan dan mengelakkan jangkitan ringan, sama ada digunakan secara luaran atau diminum air rebusannya. Kelebihan serai atau kebaikan air rebusan serai juga antaranya membantu mengurangkan kolesterol. Air rebusan serai juga sering digunakan sebagai petua melegakan simptom PMS (pre-menstrual symptom). Untuk wanita yang mempunyai masalah senggugut, rasa kembung, mual, atau tidak selesa badan ketika haid, anda boleh cuba amalkan meminum air serai dan halia setiap pagi. Menurut sebuah artikel di dalam *Journal of Advanced Pharmaceutical Technology & Research* (2011), meminum ekstrak serai dapat membantu mengurangkan kadar kolesterol. Selain memberikan rasa nyaman, air rebusan serai juga didapati mampu mengurangkan tekanan. Menurut *Medical News Today*, aroma serai dapat membantu mereka yang mengalami masalah kemurungan (anxiety). Serai adalah komponen diuretik yang terkenal seperti mana teh hijau. Komponen bersifat diuretik menjadikan kita lebih kerap membuang air kecil, kerana ia akan merangsang tubuh untuk membuang banyak cecair dan natrium di badan kita. Peningkatan pengeluaran air kencing (urin) akan mengurangkan isipadu cecair di dalam badan, lalu mengurangkan kerintangan sistem vaskular, dan seterusnya pengurangan tekanan darah akan berlaku. Ciri ini penting untuk pesakit darah tinggi, edema¹⁹⁴, atau sakit jantung.¹⁹⁵

- iii. Ubi Cekur/Cekur atau cekur putih dikenali dengan nama saintifiknya *Kaempferia Galanga* Linn yang mana ianya tersenarai dalam keluarga

¹⁹⁴ Kewujudan air yang berlebihan pada ruang antara tisu tubuh sehingga menyebabkan bahagian yang berkenaan kelihatan bengkak. (Kamus Dewan Edisi Keempat).

¹⁹⁵ Nazurah Hassan. Op.cit.

Zingiberaceae. Nama lain bagi cekur ialah Kecur (Indonesia), *Prohan* (Thailand), *Lesser Galangga* dan *Fingerroot* (Amerika Syarikat), Maraba dan Chinese ginger¹⁹⁶. Cekur adalah sejenis tumbuhan tropika yang terdapat di Malaysia. Cekur bukan sahaja bahan penting dalam masakan orang Malaysia tetapi berperanan besar dalam masakan Indonesia, Thailand, Vietnam dan India.¹⁹⁷ Masyarakat Cina menggunakan rizom cekur untuk mengubat sakit gigi, menghilangkan kelemumur, membunuh kutu kepala, membuang angin dalam perut dan mengubati sembelit dan sakit kepala. Ia juga dijadikan bahan pembuka selera. Di Filipina, rizom cekur digunakan untuk menyembuhkan penyakit selsema dengan cara menghidu rizomnya. Air rizom cekur digunakan untuk menyembuhkan luka dalam perut dan sebagai ramuan dalam tonik. Di Indonesia, cekur banyak digunakan oleh kaum wanita terutamanya dalam penyediaan semua ramuan ubat tradisional. Bagi rawatan wanita selepas bersalin, rizom cekur digunakan untuk memanaskan bahagian perut dan merawat bengkak dan kebas otot. Di India pula, wangian daripada cekur digunakan untuk melindungi pakaian daripada serangga. Air rebusan rizomnya digunakan untuk membasuh rambut bagi mengatasi masalah kelemumur dan menghilangkan rasa gatal dan pedih akibat gigitan ulat bulu.¹⁹⁸ Melalui rawatan alternatif secara tradisional, cekur dijadikan tonik dan digunakan untuk mengubati batuk kering dan bronchitis. Di Asia Tenggara, rizom cekur dicampurkan dengan lada sulah, kayu manis dan madu untuk mengubati selsema.¹⁹⁹ Antara bahan kimia yang didapati dalam cekur ialah karminatif,

¹⁹⁶ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 16.

¹⁹⁷ Pokok Herba. Op.cit.

¹⁹⁸ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 17-18.

¹⁹⁹ Pokok Herba. Op.cit.

diuretik, expectorant dan borneol. Sebagai contoh, borneol yang terdapat dalam cekur merupakan sebatian sangat aktif yang diketahui menunjukkan aktiviti antispasmodik yang dapat melegakan dan mencegah kekejangan otot²⁰⁰ dan sebagai perangsang sistem saraf pusat.²⁰¹ Dari segi sains ini dapat menjelaskan penggunaannya dalam rawatan kolik abdomen, sakit perut dan letargi. Cekur juga terbukti mempunyai sifat analgesik iaitu agen yang dapat meredakan kesakitan dan kesan kebas²⁰² dan sifat antioksidan yang bertindak untuk mencegah dan mengurangkan kerosakan berpunca dari proses pengoksidaan yang membawa kepada sakit kepala, demam, pening²⁰³ dan sengal tulang. Cekur juga dipercayai dapat mengecutkan rahim, membuang angin dan merawat keracunan makanan, ulser mulut serta batuk. Selain itu, bahagian akar cekur digunakan untuk merawat keracunan makanan, ulser mulut,²⁰⁴ batuk, sakit tekak dan selsema. Akar cekur yang dikunyah dan ditelan boleh membuat seseorang itu khayal.²⁰⁵

- iv. Ubi Keladi Putih/ Keladi Putih (*Colocasia esculenta*) merupakan sejenis keladi yang sering ditanam dan di gunakan untuk pelbagai jenis masakan. Apa yang pasti mengenai ciri keladi ini adalah kerana ia mempunyai batang yang berwarna keputihan (perdu batang) dan isi keladinya juga agak putih warnanya. Batang

²⁰⁰ n.a. 2011. American Heritage® Dictionary of the English Language, Fifth Edition, diakses 10 Oktober 2020 melalui <https://www.thefreedictionary.com/antispasmodic>. diakses: 9 September 2021.

²⁰¹ Abdul Ghani Hussain. Op.cit. h. 232.

²⁰² Huang, L., T Yagura and S.Chen (2008), "Sedative Activity of Hexane Extract of *Kaempferia galangal* L. and its active compounds." dalam Journal of Ethnopharmacology diakses dari <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii>. diakses: 28 Jun 2022.

²⁰³ Qin Ma et.al. 2015. "Ultrasound-Enhanced Ubcritical Water Extraction Of Essential Oils From *Kaempferia Galangal* L. And Their Comparative Antioxidant Activities, Separation And Purification Technology (Online), diakses <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S138358661530037X>. diakses: 2 Februari 2022.

²⁰⁴ Samy, Joseph. 2005. *Herbs Of Malaysia: An Introduction To The Medicinal, Culinary, Aromatic And Cosmetic Use Of Herbs*, Federal Publications Sdn Bhd: Kuala Lumpur. h. 133.

²⁰⁵ Pokok Herba. Op.cit.

dan umbisi²⁰⁶ keladi putih paling sesuai dijadikan sayuran kerana tidak gatal. Umbisi keladi putih agak kenyal dan kurang empuk berbanding keladi cina atau keladi mawar. Ia sangat sesuai dibuat pengat kerana tidak hancur dan dijadikan keladi goreng dengan memotongnya nipis-nipis. Keseluruhan batang keladi putih boleh dijadikan sayuran kerana ianya tidak gatal.²⁰⁷

- v. Jintan Hitam atau dikenali dengan nama lainnya ‘Habatussaudah’ (*Nigella sativa* L.) merupakan tanaman herba dari famili *Ranunculaceae* yang berasal dari daerah Mediterania dan Asia Barat. Jintan hitam memiliki kandungan nutrisi yang tinggi iaitu pati minyak (p-symena, timokuinon) dan asid lemak (asid palmitik, asid linoleik, asid oleik), tocopherol, sterol. Timokuinon (TQ) merupakan bioaktif utama dari pati minyak biji jintan hitam. Kajian klinikal telah menunjukkan banyak kesan terapeutik dari timokuinon yang termasuk anti-keradangan, immunomodulative dan anti-tumor.²⁰⁸ Dari segi sejarah, jintan hitam telah digunakan untuk merawat sakit kepala, sakit gigi, hidung tersumbat, dan cacing usus. Ia juga telah digunakan untuk sakit mata yang kemerahan atau konjunktivitis.²⁰⁹ Penyelidikan awal menunjukkan bahawa pengambilan produk tertentu yang mengandungi minyak jintan hitam, vitamin E, beta-karotena, dan biotin (Immerfit oleh Phyt-Immun) setiap hari mungkin meningkatkan gejala alergi pada orang yang mempunyai rinitis alergi.²¹⁰ Jintan hitam juga dipercayai

²⁰⁶ Jenis batang bawah tanah yang berbentuk seperti bebawang, dilapisi kulit nipis, dan tumbuh menegak. (Kamus Dewan Edisi Keempat).

²⁰⁷ Mohd Anim Hosnan. 2022. Jenis Keladi Di Malaysia - Kenali Dia (Part 2). http://animhosnan.blogspot.com/2022/04/jenis-keladi-di-malaysia-kenali-dia_25.html. diakses: 28 Jun 2022.

²⁰⁸ Ririh Sekar Mardisiwi, et.al. 2018. Pertumbuhan dan Produksi Jintan Hitam pada Beberapa Komposisi Media Tanam dan Interval Penyiraman. *J. Agron. Indonesia*. 46(1):89. <http://jai.ipb.ac.id>. diakses: 18 Mac 2022.

²⁰⁹ Konjunktivitis adalah radang konjunktiva atau lapisan mukus yang menyelaputi bahagian putih mata.

²¹⁰ Rinitis alergi adalah keadaan keradangan atau bengkak yang disebabkan alahan pada bahagian hidung akibat terdedah kepada alergen atau punca alahan. Dzyan Azlina Azman. 2019. Rinitis Alergi dan Sinusitis. MyMetro.

bermanfaat untuk masalah pencernaan termasuk gas usus dan cirit-birit, bronkitis, demam selesema, gangguan haid, sakit sendi (reumatisme) dan sakit kepala.²¹¹

- vi. Ganti Meswi- Meswi- Mesoyi atau masoi (*Cryptocarya massoia* (Oken) Kosterm.) adalah sejenis pohon yang masih sama spesies dengan kayu manis. Di Papua ia dikenali sebagai *aikor* atau *aikori*. Sejenis pohon yang tingginya sekitar 25 m. Batang pokok berukuran diameter \pm 30 cm, tebal kulit kayu dapat mencapai 0.5 cm serta mengeluarkan aroma wangi. Aroma wangi berasal dari kandungan minyak atsiri yang dikenali sebagai *Massoia lactone*. Bentuk daun pokok ini berbentuk bulat telur yang meruncing ke arah ujung daun. Kedudukan daun melingkar atau berlawanan antara satu sama lain. Bunga pokok meswi muncul di pangkal daun. Kayunya digunakan untuk mendirikan bangunan. kulit kayu dijadikan campuran untuk pewarna merah dan campuran untuk dijadikan minyak wangi.²¹²
- vii. Bawang Merah- Masyarakat sebenarnya sudah lama memanfaatkan bawang merah untuk kesihatan. Misalnya, bawang merah kerap digunakan sebagai ubat demam. Studi Phytotherapy Research membuktikan bahawa bawang merah adalah sumber antioksidan dan kaya dengan vitamin C.²¹³ Kehadiran vitamin C ini membantu melawan radikal bebas yang berpotensi merosakkan sel-sel di dalam badan. Risiko penyakit-penyakit kronik seperti sakit jantung, kencing manis dan kanser dapat dikurangkan. Bawang merah kaya dengan serat yang baik bagi pertumbuhan bakteria baik dalam usus, ia membantu melancarkan

²¹¹ Hannef Esquander. Op.cit.

²¹² https://wiki.edunitas.com/ind/114-10/Mesoyi_102657__eduNitas.html#cite_note-1. diakses: 28 Jun 2022.

²¹³ Valda Garcia. 2022. Manfaat Bawang Merah, Antialergi hingga Menurunkan Risiko Kanker.

sistem penghadaman dan memastikan pergerakan usus yang baik. Satu kajian pada tahun 2005 di jurnal *Clinical Gastroenterology and Hepatology* menemukan, oligofruktosa dalam bawang merah membantu mengubati serta mencegah cirit-birit.²¹⁴ Ia juga mengandungi bahan kimia saponin yang boleh membantu mengurangkan sakit dan kekejangan perut. Bawang merah juga membantu membuang toksik di dalam badan, seterusnya membantu melambatkan lagi proses penuaan. Selain itu, ia turut mengandungi selenium yang dipercayai dapat meningkatkan sistem imun seseorang. Kandungan 'quercetin' pada bawang merah dipercayai dapat membantu meredakan radang. Penghasilan insulin dan semua khasiat itu bermanfaat bagi mereka yang mengalami kencing manis. Walau bagaimanapun, ia bukanlah pengganti kepada ubat yang diberikan doktor tetapi sebagai usaha tambahan dalam mengawal kadar gula. Penelitian di jurnal *Environmental Health Insights* pada 2010 menyatakan bahawa individu yang menghidap diabetes tahap 1 dan diabetes tahap 2 yang mengamalkan memakan bawang merah menunjukkan kadar glukosa yang lebih rendah hingga 4 jam.²¹⁵ Mineral kromium di dalam bawang membantu mengawal kadar gula dalam darah. Perkara ini adalah sangat penting bagi individu yang mengalami diabetes atau prediabetes. Selain itu, kandungan 'quercetin' juga dapat membantu mengurangkan rasa sakit pada bahagian kepala yang disebabkan selesema dan hidung tersumbat kerana kandungan sulfur pada bawang merah yang mampu memecahkan mukus. Kandungan flavonoid pada bawang merah ini dikatakan dapat membantu fungsi jantung. Selain itu, kandungan organosulfur pada bawang merah dapat membantu mencegah risiko

²¹⁴ Valda Garcia. Op.cit.

²¹⁵ Ibid.

munculnya penyakit kardiovaskular. Para pengamal tradisional percaya bawang merah dianggap sebagai tonik untuk organ dalaman. Kepercayaan itu berasaskan satu kajian yang menunjukkan kandungan sebatian organosulfur dalam bawang merah merupakan agen antiplatelet. Antiplatelet merupakan satu keadaan yang mana berlakunya pembekuan darah apabila berlaku kecederaan. Dengan mengambil bawang merah, ia dikatakan dapat merencatkan agrigasi platelet seterusnya mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular.²¹⁶ Ia juga mengandungi thiosulfates yang dapat membantu mengurangkan dan menurunkan risiko penyakit strok (angin ahmar)²¹⁷ dan sebagai agen antiasma atau antilelah. Menurut Dr Mohammad Amir Wan Harun, sebatian sulfur thiosulfates yang terdapat di dalam bawang merah mampu meredakan penyakit asma. Ini kerana sulfur thiosulfates mampu menjadi agen untuk mengurangkan semput yang dialami oleh pesakit.²¹⁸ Bawang merah adalah sejenis sayuran yang mengandungi kandungan antioksidan yang tinggi dan ada kimia lain yang bersifat asidik juga antibakteria. Apabila kita potong bawang dan rasa mahu menangis, sebenarnya bawang itu melepaskan gas yang bersifat antibakteria. Sebab itu apabila kita letak di tepi katil pesakit demam atau selesema keadaan ini membantu menyelesaikan pesakit kerana bawang melepaskan gas antibakteria.²¹⁹

²¹⁶ Naimah Muhamamd. 2019. Bawang Merah Penawar Banyak Penyakit.


<https://www.sinarharian.com.my/article/34424/LIFESTYLE/Sinar-Aktif/Bawang-merah-penawar-banyak-penyakit>. diakses: 28 Jun 2022.

²¹⁷ Fairul Asmaini Mohd Pilus. 2021. Ketahui Khasiat Bawang Merah. MyMetro. diakses: 5 Julai 2022.

²¹⁸ Naimah Muhamamd. Op.cit.

²¹⁹ Mingguan Wanita. 2021. Guna Bawang Merah Elak Demam, Selesema, Batuk Berjangkit Satu Rumah. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/guna-bawang-merah-elak-demam-selesema-batuk-berjangkit-satu-rumah-335708>. diakses: 28 Jun 2022.

a. Preskripsi 5: Ubat Demam Tiada Kebah



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam tiada kebah ambil daun beringin kait dengan serampang dan batang setiga tiga (segi tiga) dan mata kunyit hujung lemukut air bemalam dan besi sepeatah maka ramas dirasakan afiyat olehnya.²²⁰

Jadual 13: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Tiada Kebah

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Daun Beringin	Tidak dinyatakan
2.	Kunyit	Tidak dinyatakan
3.	Air Bermalam ²²¹	Tidak dinyatakan
4.	Besi	-
Jumlah		Tidak dinyatakan

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ramuan ubat demam tiada kebah perlulah diramas (dihancurkan dengan menggunakan tangan)

²²⁰ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:107. h. 19.

²²¹ Air bermalam ialah air yang di takungkan semalaman dan rasa dinginnya sangat sesuai bagi membilas tubuh yang panas.

terlebih dahulu kesemua bahan yang dinyatakan, kemudian dirasakan (dimakan) oleh penulis.

- i. Daun Beringin/Pokok Beringin (*Ficus benyamina* Linn) disebut sebagai pokok 'Waringin' pada masyarakat Jawa di Indonesia, Weeping Fig (English) dan Chinese Banyan (China) merupakan sejenis pokok dari keluarga Moraceae merupakan tanaman hutan yang memiliki umur yang sangat panjang sehingga direkodkan hingga ratusan tahun. Beberapa laporan menyatakan yang pokok beringin memiliki kemampuan sebagai tanaman pemuliharaan (conservation tree)²²² dimana jika ada mata air di bawahnya ia menjernihkannya terutama jika ia tumbuh dilereng bukit secara semulajadi. Pokok beringin mempunyai banyak khasiat yang jarang dibincangkan. Merujuk kepada beberapa buku dan website, pokok beringin berpotensi dalam meningkatkan tahap kesihatan terutamanya dalam menyembuhkan penyakit. Akar udara yang terletak pada bahagian batang pohon beringin mengandungi bahan Asid Amino, Phenol, gula dan Asid Citrik. Akar udara dapat dimanfaatkan untuk mengatasi selsema, demam panas, radang tekak (tonsilitis), sakit tulang (Rheumatism) dan sakit akibat luka. Daunnya berkhasiat sebagai ubat merawat influenza, radang pada saluran pernafasan (bronchitis), batuk (pertusis), malaria, radang usus akut (acute enteritis) dan masalah sawan panas terutama pada kanak-kanak. Caranya adalah dengan menyediakan 100 gram daun beringin segar, dicuci bersih dan direbus bersama 5 liter air selama 25 minit. Air rebusan ini digunakan sebagai air mandian kanak-kanak yang sakit.²²³ Di samping itu, pohon beringin putih khususnya memiliki

²²² Mohd Anim Hosnan. 2013. Pokok Beringin – Kegunaanya.

<http://animhosnan.blogspot.com/2013/05/pokok-beringin-kegunaanya.html>. diakses: 28 Jun 2022.

²²³ Ibid.

kandungan zat flavonoid, alkaloid dan saponin. Ketiga kandungan tersebut berperanan sebagai anti-kanser, kerana fungsinya dapat mencegah pertumbuhan sel-sel kanser di dalam tubuh badan.²²⁴

- ii. Kunyit (*Curcuma longa* L.) yang berasal dari keluarga *Zingiberaceae* merupakan sejenis tumbuhan masakan dan ubatan. Kunyit membiak melalui keratan rizom. Peranan kunyit dalam perubatan telah dikenal pasti sejak 3000 tahun lamanya. Bagi masyarakat Melayu, kunyit diminum sebagai jamu terutamanya bagi ibu selepas bersalin. Tujuannya adalah untuk mengecutkan rahim dan mencuci darah. Masyarakat Cina pula percaya bahawa kunyit boleh melancarkan peredaran darah dan menghilangkan kesan lebam dan darah beku. Dalam perubatan Thai, kunyit digunakan untuk merawat bisa patukan ular tedung. Masyarakat Melayu Sarawak mengamalkan bunga kunyit sebagai ulam terutama bagi wanita selepas bersalin. Ia dikaitkan sama khasiatnya dengan mengamalkan ibu kunyit, iaitu menyembuhkan luka bersalin dan memulihkan rahim dan untuk awet muda. Ini kerana kunyit mempunyai sifat antibakteria yang membantu mempercepatkan proses penyembuhan luka.²²⁵ Pengamal perubatan tradisional mengakui kunyit boleh membantu mengatasi masalah demam kuning, darah tinggi, batuk, cirit-birit, radang ginjal, kekejangan dan sebagai penyegar badan.²²⁶ Bahan kimia utama yang terkandung dalam kunyit terdiri daripada Curcumin.²²⁷ Curcumin merupakan komponen utama curcuminoids yang bertindak sebagai agen antiradang dan untuk itu, ia telah digunakan dalam penyembuhan luka, hepatoprotection (keupayaan untuk

²²⁴ Sintiami Ramadhani. 2022. Pohon Beringin: Ciri-ciri, Jenis, Fakta dan Manfaat Beringin. <https://lindungihutan.com/blog/pohon-beringin-ciri-jenis-fakta-dan-manfaat/>. diakses: 8 Julai 2022.

²²⁵ Noraida Arifin. Op.cit. h. 127.

²²⁶ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 57 & 58.

²²⁷ Hannef Esquander. Op.cit.

melindungi kerosakan hati), dan neuroprotection. Kunyit juga dianggap sebagai herba yang paling berkesan untuk menghalang keradangan sakit sendi selain daripada mengurangkan kesakitan. Pengambilan harian sebanyak 4 mg curcuminoids boleh menghalang keradangan sendi arthritis.²²⁸ Penyelidikan yang dijalankan dalam kalangan penduduk Asia mendapati bahawa individu yang makan lebih banyak kari mendapat skor yang lebih tinggi pada ujian fungsi kognitif (ujian yang mengukur ingatan, rentang perhatian, dan sebagainya) berbanding daripada mereka yang tidak makan rempah ratus dengan mencukupi. Para saintis mencatatkan manfaat ini terhasil daripada kunyit, yang merupakan sebahagian daripada diet utama masyarakat di Asia.²²⁹ Menurut tinjauan 2017 dalam jurnal Farmakologi Penyelidikan, antioksidan tumbuhan ini (curcumin) dan sebatian antiradang boleh membantu melindungi daripada keadaan jantung tertentu, termasuk penyakit otot jantung dan arrhythmia (degupan jantung yang tidak teratur). Terdapat juga penyelidikan yang membuktikan kunyit menguatkan pundi hempedu, menyekat pembekuan darah yang bahaya, mengurangkan toksin hati, membantu metabolisme lemak dan anti keradangan yang bukan steroid.²³⁰ Kunyit juga mempunyai sifat analgesik yang dapat mengurangkan kesakitan. Ia digunakan bagi merawat luka luaran dan dalaman.²³¹


b. Preskripsi 6: Ubat Demam Tiada Berkebah

²²⁸ Farah Aziz. Op.cit.

²²⁹ Ibid.

²³⁰ Nasnan Jajuli. Op.cit. 58.

²³¹ Noraida Arifin. Op.cit.



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam tiada berkebah ambil sembaran dan jintan putih dan meswi dan bawang merah maka mamah dengan semerah pinang airnya maka bubuh pada suatu bekas ambil birah tujuh hiris dan lada sulah lima kali tujuh maka ambil bawa api bernyala campurkan maka giling pada dulang dengan cupak maka air sembaran itu maka bubuh pada cawan pelepah birah itu sapu sendi-sendi afiyat olehnya.²³²

Jadual 14: Matera Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Tiada Berkebah

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Sembaran	Tidak dinyatakan
2.	Jintan Putih	Tidak dinyatakan
3.	Meswi	Tidak dinyatakan
4.	Bawang Merah	Tidak dinyatakan
5.	Pinang	Tidak dinyatakan
6.	Birah	7 Hiris
7.	Lada Sulah	35 Biji

²³² n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:117. h. 21.

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ramuan ubat demam tiada berkebah, kunyah sembaran, jintan putih, meswi, bawang merah dan pinang. Air ramuan yang terjadi semasa mengunyah itu perlu diletakkan ke dalam satu bekas kemudian masukkan birah, lada sulah, dan bawa api yang bernyala dicampurkan sekali. Akhir sekali, giling kesemua sehingga halus dan masukkan dalam pelepah birah dan sapi kepada sendi-sendi tubuh pesakit.

- i. Jintan putih (*Cuminum cyminum*) merupakan tumbuhan berbunga dari famili *Apiaceae* iaitu keluarga yang sama dengan jintan manis, bunga lawang, parsli dan saderi.²³³ Jintan putih berasal dari kawasan Mediterranean timur ke India dekat kaki pegunungan Himalaya.²³⁴ Ia merupakan sejensi herba yang kerap digunakan untuk menyedapkan makanan dengan memberi rasa pedas. Terdapat dua jenis jintan yang diketahui umum di Malaysia seperti jintan putih dan jintan manis. Jintan putih telah lama digunakan dalam pengubatan tradisional di beberapa wilayah Asia. Kajian moden telah mengesahkan terdapat beberapa manfaat kesihatan yang secara tradisional dikenalpasti dari herba biji jintan putih termasuk membantu dalam proses pencernaan dan mengurangkan jangkitan yang mungkin merebak melalui makanan.²³⁵ Kaedah pengubatan tradisional seringkali mengesyorkan jintan putih jika seseorang mengalami masalah berkaitan pencernaan, seperti cirit-birit, loya, sakit perut, dan kembung perut. Penelitian yang terdapat pada Pharmacognosy

²³³ 11 Khasiat Jintan Putih Menurut Sains (Baik Untuk Lelaki dan Wanita). 2022. <https://jiwasihat.com/khasiat-jintan-putih/>. diakses: 28 Jun 2022.

²³⁴ Jinten (*Cuminum cyminum* L.). 2008. Cancer Chemoprevention Research Center (CCRC), Fakultas Farmasi, Universitas Gadjah Mada, Indonesia. https://ccrc.farmasi.ugm.ac.id/?page_id=98. diakses: 28 Jun 2022.

²³⁵ Mohd Anim Hosnan. Op.cit.

Research membuktikan bahawa ekstrak jintan putih mampu membantu melegakan masalah penghadaman yang dialami oleh seekor tikus. Jintan putih dapat menurunkan kadar gula dalam darah bagi sesetengah orang. Perhatikan tanda-tanda gula dalam darah rendah (hipoglikemia) dengan teliti jika pesakit menghadapi diabetes dan menggunakan jintan putih. Ini kerana jintan putih dapat mengurangkan gula dalam darah. Ubat diabetes juga digunakan untuk menurunkan gula dalam darah. Mengambil jintan putih bersama ubat diabetes mungkin menyebabkan gula dalam darah pesakit terlalu rendah. Walaubagaimanapun, dos pengambilan jintan putih mungkin berbeza untuk setiap pesakit. Ia bergantung pada usia dan tahap kesihatan pesakit. Di samping itu, pemberian beberapa dos jintan putih membantu melegakan gejala cirit-birit pada tikus.²³⁶ Jintan putih juga berfungsi sebagai agen anti-kanser iaitu dapat mengelakkan kanser menjadi semakin besar dan mengelakkan masalah kanser berulang. Dakwaan ini cuba dibuktikan oleh sekumpulan penyelidik dari Philadelphia, Amerika Syarikat pada tahun 2011. Mereka berjaya mengekstrak dua sebatian daripada jintan putih iaitu Thymoquinone dan Alpha-hederin. Sebatian tersebut mempunyai keupayaan anti-kanser yang tinggi yang merencatkan pertumbuhan sel kanser.²³⁷ Jurnal berjudul Anticarcinogenic Effects of Some Indian Plant Products menyatakan bahawa daun basil dan jintan merupakan tanaman yang mengandungi zat *anticarcinogen* yang kuat. Kandungan ini dapat mencegah sel kanser dari berkembang dan menyebar ke seluruh badan. Kajian pakar pada seekor tikus yang diberi makan jintan membuktikan bahawa tikus tersebut terhindar dari masalah kanser usus.²³⁸ Jintan

²³⁶ 9 Manfaat Jintan Putih, Mulai dari Mencegah Diabetes hingga Kanker!. 2021.

<https://www.orami.co.id/magazine/jintan-putih>. diakses: 28 Jun 2022.

²³⁷ Nurul Kasmadillawati Zakaria. Artikel ini telah dikemaskini oleh Dr. Muhammad Jefri bin Mohd Yusof. <https://bidadari.my/khasiat-jintan-putih/>. diakses: 14 Jun 2022.

²³⁸ 9 Manfaat Jintan Putih. Op.cit.

putih juga telah dikenal pasti sebagai agen antioksidan yang sangat baik untuk tubuh badan. Kajian daripada Institut Penyelidikan Teknologi Makanan di India pada tahun 2005 mendedahkan bahawa jintan putih kaya dengan sebatian fenolik. Sebatian fenolik ini merupakan bahan antioksidan yang sangat baik terutamanya dalam melawan serangan oksidan seperti radikal bebas, hidroksil dan peroksi pada peringkat sel.²³⁹ Dalam penyelidikan yang diterbitkan oleh Journal of Egyptian Archaeology, masyarakat Mesir Kuno mengamalkan minuman jintan putih bersama madu dan susu untuk mengurangkan simptom batuk. Namun, pemerhatian ini hanyalah bersandarkan amalan petua tradisional tanpa pembuktian klinikal dan saintifik.²⁴⁰

- ii. Meswi- Mesoyi atau masoi (*Cryptocarya massoia* (Oken) Kosterm.) adalah sejenis pohon yang masih sama spesies dengan kayu manis. Di Papua ia dikenali sebagai *aikor* atau *aikori*. Sejenis pohon yang tingginya sekitar 25 m. Batang pokok berukuran diameter \pm 30 cm, tebal kulit kayu dapat mencapai 0.5 cm serta mengeluarkan aroma wangi. Aroma wangi berasal dari kandungan minyak atsiri yang dikenali sebagai *Massoia lactone*. Bentuk daun pokok ini berbentuk bulat telur yang meruncing ke arah ujung daun. Kedudukan daun melingkar atau berlawanan antara satu sama lain. Bunga pokok meswi muncul di pangkal daun. Kayunya digunakan untuk mendirikan bangunan. kulit kayu dijadikan campuran untuk pewarna merah dan campuran untuk dijadikan minyak wangi.²⁴¹
- iii. Bawang Merah- Masyarakat sebenarnya sudah lama memanfaatkan bawang merah untuk kesihatan. Misalnya, bawang merah kerap digunakan sebagai ubat demam.

²³⁹ Nurul Kasmadillawati Zakaria. Op.cit.

²⁴⁰ Ibid.

²⁴¹ https://wiki.edunitas.com/ind/114-10/Mesoyi_102657__eduNitas.html#cite_note-1. diakses: 28 Jun 2022.

Studi Phytotherapy Research membuktikan bahawa bawang merah adalah sumber antioksidan dan kaya dengan vitamin C.²⁴² Kehadiran vitamin C ini membantu melawan radikal bebas yang berpotensi merosakkan sel-sel di dalam badan. Risiko penyakit-penyakit kronik seperti sakit jantung, kencing manis dan kanser dapat dikurangkan. Bawang merah kaya dengan serat yang baik bagi pertumbuhan bakteria baik dalam usus, ia membantu melancarkan sistem penghadaman dan memastikan pergerakan usus yang baik. Satu kajian pada tahun 2005 di jurnal *Clinical Gastroenterology and Hepatology* menemukan, oligofruktosa dalam bawang merah membantu mengubati serta mencegah cirit-birit.²⁴³ Ia juga mengandungi bahan kimia saponin yang boleh membantu mengurangkan sakit dan kekejangan perut. Bawang merah juga membantu membuang toksik di dalam badan, seterusnya membantu melambatkan lagi proses penuaan. Selain itu, ia turut mengandungi selenium yang dipercayai dapat meningkatkan sistem imun seseorang. Kandungan 'quercetin' pada bawang merah dipercayai dapat membantu meredakan radang. Penghasilan insulin dan semua khasiat itu bermanfaat bagi mereka yang mengalami kencing manis. Walau bagaimanapun, ia bukanlah pengganti kepada ubat yang diberikan doktor tetapi sebagai usaha tambahan dalam mengawal kadar gula. Penelitian di jurnal *Environmental Health Insights* pada 2010 menyatakan bahawa individu yang menghidap diabetes tahap 1 dan diabetes tahap 2 yang mengamalkan memakan bawang merah menunjukkan kadar glukosa yang lebih rendah hingga 4 jam.²⁴⁴ Mineral kromium di dalam bawang membantu mengawal kadar gula dalam darah. Perkara ini adalah sangat penting bagi individu

²⁴² Valda Garcia. Op.cit.

²⁴³ Ibid.

²⁴⁴ Ibid.

yang mengalami diabetes atau prediabetes. Selain itu, kandungan 'quercetin' juga dapat membantu mengurangkan rasa sakit pada bahagian kepala yang disebabkan selesema dan hidung tersumbat kerana kandungan sulfur pada bawang merah yang mampu memecahkan mukus. Kandungan flavonoid pada bawang merah ini dikatakan dapat membantu fungsi jantung. Selain itu, kandungan organosulfur pada bawang merah dapat membantu mencegah risiko munculnya penyakit kardiovaskular. Para pengamal tradisional percaya bawang merah dianggap sebagai tonik untuk organ dalaman. Kepercayaan itu berasaskan satu kajian yang menunjukkan kandungan sebatian organosulfur dalam bawang merah merupakan agen antiplatelet. Antiplatelet merupakan satu keadaan yang mana berlakunya pembekuan darah apabila berlaku kecederaan. Dengan mengambil bawang merah, ia dikatakan dapat merencatkan agregasi platelet seterusnya mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular.²⁴⁵ Ia juga mengandungi thiosulfates yang dapat membantu mengurangkan dan menurunkan risiko penyakit strok (angin ahmar)²⁴⁶ dan sebagai agen antiasma atau antilelah. Menurut Dr Mohammad Amir Wan Harun, sebatian sulfur thiosulfates yang terdapat di dalam bawang merah mampu meredakan penyakit asma. Ini kerana sulfur thiosulfates mampu menjadi agen untuk mengurangkan sempit yang dialami oleh pesakit.²⁴⁷ Bawang merah adalah sejenis sayuran yang mengandungi kandungan antioksidan yang tinggi dan ada kimia lain yang bersifat asidik juga antibakteria. Apabila kita potong bawang dan rasa mahu menangis, sebenarnya bawang itu melepaskan gas yang bersifat antibakteria.

²⁴⁵ Naimah Muhamamd. Op.cit.

²⁴⁶ Fairul Asmaini Mohd Pilus. Op.cit.

²⁴⁷ Naimah Muhamamd. Op.cit.

Sebab itu apabila kita letak di tepi katil pesakit demam atau selesema keadaan ini membantu menyelesaikan pesakit kerana bawang melepaskan gas antibakteria.²⁴⁸

- iv. Pinang (*Areca catechu*) dikenali sebagai Betel palm atau Betel nut tree adalah sejenis tumbuhan palma yang tumbuh di daerah Pasifik, Asia dan bahagian Timur Afrika. Pinang telah lama menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian masyarakat Nusantara. Pinang ditanam dan dimanfaatkan bijinya yang di dunia Barat dikenali sebagai *betel nut*. Biji pinang dimakan bersama campuran sirih, gambir dan kapur sama ada ditumbuk atau dihiris. Buah pinang mengandungi polifenol, tanin, lemak, gula, air, dan minyak yang mengandungi alkaloid.²⁴⁹ Biji pinang yang mengandungi sebatian alkaloid seperti arecaine dan arecoline memberi sedikit kesan ketagihan, dapat merangsang otak dan memberi kesan pening apabila bijinya dikunyah. Sediaan biji pinang di farmasi kebiasaannya digunakan untuk merawat penyakit cacing di dalam usus terutamanya cacing pita. Zat lain yang terdapat pada buah pinang ini antara lain ialah arecaidine, arecolidine, guracine, guvacoline. Secara tradisional biji pinang digunakan dalam ramuan untuk mengubati sakit disentri, cirit-birit berdarah, dan kudis.²⁵⁰
- v. Birah²⁵¹— Perkataan 'birah' adalah merujuk kepada tumbuhan jenis keladi daripada genus *Alocasia* yang dahulunya banyak tumbuh di Tanah Melayu dan juga di Sumatra.²⁵² Sejenis tumbuhan herba. Terdapat enam jenis tumbuhan herba dengan nama birah, antaranya; (1) *Alocasia indica*; (2) birah air, *Aglaonema marantifolium*;

²⁴⁸ Mingguan Wanita. Op.cit.

²⁴⁹ Vina Anggina Hutasuhut, et.al., 2013. Penggunaan Ekstrak Biji Buah Pinang (*Areca Catechu* L.) Untuk Memperpanjang Waktu Simpan Ikan Kembung (*Rastrelliger Catagurna*). Universitas Sumatera Utara, Indonesia.

²⁵⁰ https://wiki.edunitas.com/ind/114-10/Pinang_42699__eduNitas.html. diakses: 28 Jun 2022.

²⁵¹ Kamus Dewan Edisi Keempat.

²⁵² Mohd Anim Hosnan. 2020. Apakah Dia - Keladi Birah?.

<http://animhosnan.blogspot.com/2020/10/apakah-dia-keladi-birah.html>. diakses: 28 Jun 2022.

(3) birah hitam, *Alocasia denudata*; (4) birah kecil, *Typhonium roxburghii*; (5) birah keladi, *Colocasia esculentum*; (6) birah putih, *Alocasia* spp.²⁵³ Pokok birah adalah tumbuhan Angiosperma daripada jenis monokotiledon dan dibawah keluarga Araceae (jenis kumpulan keladi). Masyarakat Melayu di Malaysia dan Indonesia sebenarnya telah lama mengetahui birah sebagai tanaman herba yang berguna untuk menghilangkan rasa sakit akibat angin atau masuk angin.²⁵⁴ Masyarakat Melayu dahulu menggunakan keladi birah untuk mengubati penyakit demam, bengkak-bengkak, perut masuk angin/kembung perut, masalah kaki kejang, angin dan sakit kepala disebabkan oleh hujan. Walaupun amalan ini sudah agak dilupakan kerana lebih mudah mendapatkan rawatan dari klinik atau hospital sama ada kerajaan atau swasta tetapi ianya masih relevant.²⁵⁵ Cara perubatan menggunakan keladi birah ini semakin kurang dan jarang ditemui pada masa kini kerana mudahnya untuk mendapatkan rawatan perubatan moden.

- vi. Lada Sulah - atau lada putih merupakan salah satu rempah yang penuh dengan pelbagai khasiat untuk kesihatan. Lada sulah juga mengandungi 'capsaicin' yang turut terdapat dalam cili padi. Ianya bersifat anti inflamasi. Antara manfaat atau khasiat lada sulah untuk kesihatan adalah membantu menurunkan berat badan. Ia membantu dalam membakar lemak dalam tubuh sehingga membantu menurunkan berat badan. Selain itu lada sulah boleh membantu dalam mengubati sakit kepala. Rasa sakit di kepala terjadi ketika 'neuropeptide' yang merupakan zat yang mengirinkan rasa sakit ke otak. Namun, 'capsaicin' yang ada pada lada sulah dapat menghalang keadaan tersebut sehingga dapat mengurangkan sakit kepala.



²⁵³ Kamus Dewan Edisi Keempat.

²⁵⁴ Mohd Anim Hosnan. Op.cit.

²⁵⁵ Ibid.

Pengambilan serbuk lada sulah dengan sedikit madu boleh menjadi ubat batuk semulajadi. Madu dan lada sulah jika bergabung akan memiliki sifat antibiotik dan juga menghasilkan rasa panas. Gabungan dua bahan ini memang boleh mengurangkan batuk. Lada sulah kaya dengan flavonoid, vitamin C dan vitamin A. Ia sangat membantu dalam menjaga dan mengawal tekanan darah. Pesakit yang mempunyai tekanan darah tinggi atau masalah yang berkaitan dengan tekanan darah disarankan mengambil lada sulah dalam diet harian. Flavonoid dan vitamin dalam lada sulah bersifat antioksidan. Selain tinggi kandungan antioksidan pada lada sulah, ia juga boleh mengurangkan garis-garis halus, kedutan dan bintik-bintik gelap yang merupakan tanda-tanda dari penuaan.

c. Preskripsi 7: Demam Tiada Berkesudahan Panas



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam tiada berkesudahan panas maka ambil air serai dan kunyit dan cekur dan meswi sedikit maka pipis lumat-lumat maka bedakkan seluruh tubuh afiyat olehnya.²⁵⁶

²⁵⁶ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:115. h. 20 & 21.

Jadual 15: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Tiada Berkesudahan Panas

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Air Serai	Tidak dinyatakan
2.	Kunyit	Tidak dinyatakan
3.	Cekur	Tidak dinyatakan
4.	Meswi	Tidak dinyatakan
Jumlah		-

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ubat demam tiada berkesudahan panas, sediakan bahan-bahan untuk dilumatkan, iaitu air serai, kunyit, cekur dan meswi. Setelah itu, sapukan keseluruhan tubuh pesakit.

- i. Air Serai/Serai-Menurut Jabatan Pertanian Malaysia, serai atau nama botaninya (*Cymbopogon citratus*) ialah sejenis tanaman dari famili Graminae/Poaceae yang dikenali juga dengan nama-nama seperti takrai (Thailand), sereh makan (Indonesia) atau lemongrass (Inggeris).²⁵⁷ Dalam *Journal of Agriculture and Food Chemistry* (2005), serai mengandungi beberapa jenis antioksidan yang dapat melawan radikal bebas dalam tubuh kita. Antara jenis antioksidan yang terkandung dalam serai termasuklah *chlorogenic acid*, *isoorientin*, dan *swertiajaponin* yang berfungsi mencegah kerosakan sel di dalam arteri koronari. Serai sering digunakan sebagai bahan utama dalam minyak angin kerana ia adalah herba yang bernilai tinggi untuk rawatan demam, senak perut, perut memulas, gastrik dan muntah. Ia juga boleh bertindak sebagai minyak angin

²⁵⁷ Nazurah Hassan. Op.cit.

untuk rawatan sakit sendi, terseliuh dan rawatan sakit-sakit yang ringan. Menurut *Medical News Today*, serai mampu mengurangkan kesakitan dan mengelakkan jangkitan ringan, sama ada digunakan secara luaran atau diminum air rebusannya. Kelebihan serai atau kebaikan air rebusan serai juga antaranya membantu mengurangkan kolesterol. Air rebusan serai juga sering digunakan sebagai petua melegakan simptom PMS (pre-menstrual symptom). Untuk wanita yang mempunyai masalah senggugut, rasa kembung, mual, atau tidak selesa badan ketika haid, anda boleh cuba amalkan meminum air serai dan halia setiap pagi. Menurut sebuah artikel di dalam *Journal of Advanced Pharmaceutical Technology & Research* (2011), meminum ekstrak serai dapat membantu mengurangkan kadar kolesterol. Selain memberikan rasa nyaman, air rebusan serai juga didapati mampu mengurangkan tekanan. Menurut *Medical News Today*, aroma serai dapat membantu mereka yang mengalami masalah kemurungan (anxiety). Serai adalah komponen diuretik yang terkenal seperti mana teh hijau. Komponen bersifat diuretik menjadikan kita lebih kerap membuang air kecil, kerana ia akan merangsang tubuh untuk membuang banyak cecair dan natrium di badan kita. Peningkatan pengeluaran air kencing (urin) akan mengurangkan isipadu cecair di dalam badan, lalu mengurangkan kerintangan sistem vaskular, dan seterusnya pengurangan tekanan darah akan berlaku. Ciri ini penting untuk pesakit darah tinggi, edema²⁵⁸, atau sakit jantung.²⁵⁹

²⁵⁸ Kewujudan air yang berlebihan pada ruang antara tisu tubuh sehingga menyebabkan bahagian yang berkenaan kelihatan bengkak. (Kamus Dewan Edisi Keempat).

²⁵⁹ Nazurah Hassan. Op.cit.

ii. Kunyit (*Curcuma longa* L.) yang berasal dari keluarga *Zingiberaceae* merupakan sejenis tumbuhan masakan dan ubatan. Kunyit membiak melalui keratan rizom. Peranan kunyit dalam perubatan telah dikenal pasti sejak 3000 tahun lamanya. Bagi masyarakat Melayu, kunyit diminum sebagai jamu terutamanya bagi ibu selepas bersalin. Tujuannya adalah untuk mengecutkan rahim dan mencuci darah. Masyarakat Cina pula percaya bahawa kunyit boleh melancarkan peredaran darah dan menghilangkan kesan lebam dan darah beku. Dalam perubatan Thai, kunyit digunakan untuk merawat bisa patukan ular tedung. Masyarakat Melayu Sarawak mengamalkan bunga kunyit sebagai ulam terutama bagi wanita selepas bersalin. Ia dikaitkan sama khasiatnya dengan mengamalkan ibu kunyit, iaitu menyembuhkan luka bersalin dan memulihkan rahim dan untuk awet muda. Ini kerana kunyit mempunyai sifat antibakteria yang membantu mempercepatkan proses penyembuhan luka.²⁶⁰ Pengamal perubatan tradisional mengakui kunyit boleh membantu mengatasi masalah demam kuning, darah tinggi, batuk, cirit-birit, radang ginjal, kekejangan dan sebagai penyegar badan.²⁶¹ Bahan kimia utama yang terkandung dalam kunyit terdiri daripada Curcumin.²⁶² Curcumin merupakan komponen utama curcuminoids yang bertindak sebagai agen antiradang dan untuk itu, ia telah digunakan dalam penyembuhan luka, hepatoprotection (keupayaan untuk melindungi kerosakan hati), dan neuroprotection. Kunyit juga dianggap sebagai herba yang paling berkesan untuk menghalang keradangan sakit sendi selain daripada mengurangkan kesakitan. Pengambilan harian sebanyak 4 mg

²⁶⁰ Noraida Arifin. Op.cit. h. 127.

²⁶¹ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 57 & 58.

²⁶² Hannef Esquander. Op.cit.

curcuminoids boleh menghalang keradangan sendi arthritis.²⁶³ Penyelidikan yang dijalankan dalam kalangan penduduk Asia mendapati bahawa individu yang makan lebih banyak kari mendapat skor yang lebih tinggi pada ujian fungsi kognitif (ujian yang mengukur ingatan, rentang perhatian, dan sebagainya) berbanding daripada mereka yang tidak makan rempah ratus dengan mencukupi. Para saintis mencatatkan manfaat ini terhasil daripada kunyit, yang merupakan sebahagian daripada diet utama masyarakat di Asia.²⁶⁴ Menurut tinjauan 2017 dalam jurnal Farmakologi Penyelidikan, antioksidan tumbuhan ini (curcumin) dan sebatian antiradang boleh membantu melindungi daripada keadaan jantung tertentu, termasuk penyakit otot jantung dan arrhythmia (degupan jantung yang tidak teratur). Terdapat juga penyelidikan yang membuktikan kunyit menguatkan pundi hempedu, menyekat pembekuan darah yang bahaya, mengurangkan toksin hati, membantu metabolisme lemak dan anti keradangan yang bukan steroid.²⁶⁵ Kunyit juga mempunyai sifat analgesik yang dapat mengurangkan kesakitan. Ia digunakan bagi merawat luka luaran dan dalaman.²⁶⁶

- iii. Cekur atau cekur putih dikenali dengan nama saintifiknya *Kaempferia Galanga* Linn yang mana ianya tersenarai dalam keluarga Zingiberaceae. Nama lain bagi cekur ialah Kecur (Indonesia), *Prohan* (Thailand), *Lesser Galangga* dan *Fingerroot* (Amerika Syarikat), Maraba dan Chinese ginger²⁶⁷. Cekur adalah sejenis tumbuhan tropika yang terdapat di Malaysia. Cekur bukan sahaja bahan penting dalam masakan orang Malaysia tetapi berperanan besar dalam masakan

²⁶³ Farah Aziz. Op.cit.

²⁶⁴ Farah Aziz. Op.cit.

²⁶⁵ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 58.

²⁶⁶ Noraida Arifin. Op.cit.

²⁶⁷ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 16.

Indonesia, Thailand, Vietnam dan India.²⁶⁸ Masyarakat Cina menggunakan rizom cekur untuk mengubat sakit gigi, menghilangkan kelemumur, membunuh kutu kepala, membuang angin dalam perut dan mengubati sembelit dan sakit kepala. Ia juga dijadikan bahan pembuka selera. Di Filipina, rizom cekur digunakan untuk menyembuhkan penyakit selsema dengan cara menghidu rizomnya. Air rizom cekur digunakan untuk menyembuhkan luka dalam perut dan sebagai ramuan dalam tonik. Di Indonesia, cekur banyak digunakan oleh kaum wanita terutamanya dalam penyediaan semua ramuan ubat tradisional. Bagi rawatan wanita selepas bersalin, rizom cekur digunakan untuk memanaskan bahagian perut dan merawat bengkak dan kebas otot. Di India pula, wangian daripada cekur digunakan untuk melindungi pakaian daripada serangga. Air rebusan rizomnya digunakan untuk membasuh rambut bagi mengatasi masalah kelemumur dan menghilangkan rasa gatal dan pedih akibat gigitan ulat bulu.²⁶⁹ Melalui rawatan alternatif secara tradisional, cekur dijadikan tonik dan digunakan untuk mengubati batuk kering dan bronchitis. Di Asia Tenggara, rizom cekur dicampurkan dengan lada sulah, kayu manis dan madu untuk mengubati selsema.²⁷⁰ Antara bahan kimia yang didapati dalam cekur ialah karminatif, diuretik, expectorant dan borneol. Sebagai contoh, borneol yang terdapat dalam cekur merupakan sebatian sangat aktif yang diketahui menunjukkan aktiviti antispasmodik yang dapat melegakan dan mencegah kekejangan otot²⁷¹ dan sebagai perangsang sistem saraf pusat.²⁷² Dari segi sains ini dapat menjelaskan penggunaannya dalam rawatan kolik abdomen, sakit perut

²⁶⁸ Pokok Herba. Op.cit.

²⁶⁹ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 17-18.

²⁷⁰ Pokok Herba. Op.cit.

²⁷¹ n.a. 2011. American Heritage® Dictionary of the English Language. Op.cit.

²⁷² Abdul Ghani Hussain. Op.cit. h. 232.

dan letargi. Cekur juga terbukti mempunyai sifat analgesik iaitu agen yang dapat meredakan kesakitan dan kesan kebas²⁷³ dan sifat antioksidan yang bertindak untuk mencegah dan mengurangkan kerosakan berpunca dari proses pengoksidaan yang membawa kepada sakit kepala, demam, pening²⁷⁴ dan sengal tulang. Cekur juga dipercayai dapat mengecutkan rahim, membuang angin dan merawat keracunan makanan, ulser mulut serta batuk. Selain itu, bahagian akar cekur digunakan untuk merawat keracunan makanan, ulser mulut,²⁷⁵ batuk, sakit tekak dan selsema. Akar cekur yang dikunyah dan ditelan boleh membuat seseorang itu khayal.²⁷⁶

- iv. Meswi- Mesoyi atau masoi (*Cryptocarya massoia* (Oken) Kosterm.) adalah sejenis pohon yang masih sama spesies dengan kayu manis. Di Papua ia dikenali sebagai *aikor* atau *aikori*. Sejenis pohon yang tingginya sekitar 25 m. Batang pokok berukuran diameter \pm 30 cm, tebal kulit kayu dapat mencapai 0.5 cm serta mengeluarkan aroma wangi. Aroma wangi berasal dari kandungan minyak atsiri yang dikenali sebagai *Massoia lactone*. Bentuk daun pokok ini berbentuk bulat telur yang meruncing ke arah ujung daun. Kedudukan daun melingkar atau berlawanan antara satu sama lain. Bunga pokok meswi muncul di pangkal daun. Kayunya digunakan untuk mendirikan bangunan. Kulit kayu dijadikan campuran untuk pewarna merah dan campuran untuk dijadikan minyak wangi.²⁷⁷

d. Preskripsi 8: Ubat Demam Tiada Berkebah



²⁷³ Huang, L., T Yagura and S.Chen. Op.cit.

²⁷⁴ Qin Ma et.al. Op.cit.

²⁷⁵ Samy, Joseph (2005), *Herbs Of Malaysia: An Introduction To The Medicinal, Culinary, Aromatic And Cosmetic Use Of Herbs*, Federal Publications Sdn Bhd: Kuala Lumpur, 133.

²⁷⁶ Pokok Herba. World Documents. <https://fdocuments.net/document/pokok-herba-1doc.html?page=15>

²⁷⁷ 2012. https://wiki.edunitas.com/ind/114-10/Mesoyi_102657__eduNitas.html#cite_note-1



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam tiada berkebah ambil temu melayu tujuh hiris dan bonglai tujuh hiris dan bawang merah sebiji jangan bersembam dan halba dan jintan putih sejempit dan gagang sirih sejempit dan biji nangka sebiji dan hempedu landak dan meswi sedikit dan bawang putih seulas maka dipipis lumat-lumat maka bubuh pada bara tempurung jangan pada bekas lain maka angkatkan bubuh sirih masak jangan berkapur bubuh pada seluruh tubuh sangat sakitnya tiada berkebah bubuh cekur kelemoyang yang barang tiga hiris afiyat olehnya.²⁷⁸

Jadual 16: Matera Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Tiada Berkebah

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Temu Melayu	7 Hiris

²⁷⁸ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:108. h. 19 & 20.

2.	Bonglai	7 Hiris
3.	Bawang Merah	1
4.	Halba	Sejempit
5.	Jintan Putih	Sejempit
6.	Sirih	Sejempit
7.	Biji Nangka	1
8.	Hempedu Landak	Tidak dinyatakan
9.	Meswi	Tidak dinyatakan
10.	Bawang Putih	1 (Ulas)
11.	Cekur	3 Hiris
12.	Kelemoyang ²⁷⁹	3 Hiris

Jumlah

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ubat demam tiada berkebah dengan menggunakan 12 bahan tersebut iaitu, temu melayu, bonglai, sebiji bawang merah, halba, sedikit jintan putih, sedikit sirih, biji nangka sebiji, hempedu landak, sedikit meswi, seulas bawang putih dan sirih. Semua bahan ini perlu di panaskan dengan menggunakan bara dari tempurung. Setelah siap, sapukan ke badan pesakit, jika masih tidak kebah lagi demamnya, tambahkan cekur dan kelemoyang di dalam ramuan tersebut.

²⁷⁹ Sejenis Tumbuhan (Herba), Homalomena spp.

- i. Bonglai merupakan sejenis tumbuhan dari keluarga Zingiberaceae. Bonglai merupakan tumbuhan berumpun dari famili halia. Nama lain bagi bonglai ialah bonglai bukit untuk Melayu, mangkulai dan benggale di Bali, Pandhiyang di Madura dan Plai di Thailand.²⁸⁰ Di Malaysia, biasanya bonglai dijumpai di kawasan tepi sungai dan belukar terutamanya kawasan kebun getah kerana tumbuhan ini memerlukan kawasan yang bersaliran dan kawasan yang agak lembab supaya dapat tumbuh dengan baik serta subur. Di Laos, bonglai digunakan dalam merawat demam, cirit-birit, gangguan usus dan penawar racun. Bunganya berwarna merah seakan-akan bunga lempoyang. Sama seperti tumbuhan lain dalam keluarga halia ia membiak melalui biji benih dan keratan batang (rizom). Rizom bonglai agak menyerupai akar halia dan lengkuas yang mana ia digunakan dalam perubatan, urutan dan masakan. Bonglai digunakan di seluruh Asia Tropika untuk tujuan perubatan yang mana bahagian rizom bonglai digunakan untuk mengatasi demam panas dan reumatisme,²⁸¹ sakit kepala, batuk berkahak, angin dalam perut, sembelit, sakit kuning dan penyakit cacing²⁸² kerana ia bersifat antibiotik, antifungal dan antioksidan.²⁸³ Selain itu, rizom bonglai juga digunakan untuk membuat ubat luaran rawatan seperti bisul dan juga digunakan sebagai ramuan jamu bagi wanita selepas bersalin. Ia juga digunakan untuk mengempiskan perut selepas bersalin serta mengatasi masalah kegemukan.²⁸⁴ Dalam perubatan tradisi untuk mengatasi masalah kegemukan, rizom bonglai dan temulawak digunakan sebesar ibu jari, kemudian dicuci dan diparut halus. Tambahkan satu sudu makan air perahan limau nipis dan dua sudu

²⁸⁰ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 6-8.

²⁸¹ Hean Chooi Ong. Op.cit. h. 83

²⁸² n.a. 2019. Zingiber Montanum. Op.cit.

²⁸³ Boonyanugomol.W, et al. Op.cit. h. 75.

²⁸⁴ Hean Chooi Ong. Op.cit.

makan madu. Kemudian gaul sebati, perah dan tapis. Air perahan tersebut boleh diminum dua hingga tiga kali sehari. Di Indonesia, rizom yang ditumbuk digunakan untuk rawatan sakit kepala dengan mencampurkan pelbagai herba lagi. Bahagian daun bonglai yang direbus boleh dijadikan minuman untuk menghilangkan demam, sakit urat, menambahkan selera dan ia juga boleh digunakan untuk mengubat luka. Daunnya yang ditumbuk lumat boleh ditampal didahi dan pelipis untuk menghilangkan sakit kepala. Dalam perubatan Melayu kayu bonglai merujuk kepada dua jenis tumbuhan iaitu *Oroxylum indicum* dan *Pajanelia longifolia*. Kulit kayu bonglai yang direbus boleh digunakan untuk mengubat sakit pinggang, buang angin, buasir, lemah jantung, sakit lutut, kesuburan rambut, pening kepala dan jerawat. Ini kerana bonglai berfungsi sebagai agen analgesik, antineuralgik, antikeradangan, antiseptik, antipasmodik, antitoksik, antivirus, karminatif pencernaan, diuretik, laksatif, rubefasien, stimulant dan tonik. Kulitnya juga boleh dijadikan ubat sakit hepatitis kerana ia mengandungi alkaloid, asid tannik, galaktos dan sitosterol. Terdapat kajian yang mendapati bahawa ekstrak dari ubi bonglai putih dapat melindungi sel dari terdedah kepada tekanan yang disebabkan oleh pengoksidaan.²⁸⁵ Di Thailand, bonglai dijadikan minyak aromaterapi dan juga sebagai campuran minyakurut untuk mengatasi masalah otot, meredakan kesakitan dan keradangan.²⁸⁶ Satu kajian dari Jepun pada tahun 1991 menunjukkan bahan aktif bonglai iaitu E-1-(3,4-dimethoxyphenyl)but-1-ene yang mana ianya dapat bertindak sebagai agen analgesik dan anti-radang.²⁸⁷ Bonglai juga terbukti menunjukkan sifat aktif

²⁸⁵ Pokok Herba. Op.cit.

²⁸⁶ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 9.

²⁸⁷ Ozaki.Y, et al. Op.cit.

sebagai racun perosak dan racun kulat yang mana sebatian minyak pati dan terpinen-4-ol dari rizom bonglai mempunyai antimikroba dan berkesan melawan pelbagai bakteria termasuk XDR *Acinetobacter baumannii*, *Salmonella paratyphi*, *S. typhi* dan *Shigella flexneri*.²⁸⁸

- ii. Bawang Merah - Masyarakat sebenarnya sudah lama memanfaatkan bawang merah untuk kesihatan. Misalnya, bawang merah kerap digunakan sebagai ubat demam. Studi *Phytotherapy Research* membuktikan bahawa bawang merah adalah sumber antioksidan dan kaya dengan vitamin C.²⁸⁹ Kehadiran vitamin C ini membantu melawan radikal bebas yang berpotensi merosakkan sel-sel di dalam badan. Risiko penyakit-penyakit kronik seperti sakit jantung, kencing manis dan kanser dapat dikurangkan. Bawang merah kaya dengan serat yang baik bagi pertumbuhan bakteria baik dalam usus, ia membantu melancarkan sistem penghadaman dan memastikan pergerakan usus yang baik. Satu kajian pada tahun 2005 di jurnal *Clinical Gastroenterology and Hepatology* menemukan, oligofruktosa dalam bawang merah membantu mengubati serta mencegah cirit-birit.²⁹⁰ Ia juga mengandungi bahan kimia saponin yang boleh membantu mengurangkan sakit dan kekejangan perut. Bawang merah juga membantu membuang toksik di dalam badan, seterusnya membantu melambatkan lagi proses penuaan. Selain itu, ia turut mengandungi selenium yang dipercayai dapat meningkatkan sistem imun seseorang. Kandungan 'quercetin' pada bawang merah dipercayai dapat membantu meredakan radang. Penghasilan insulin dan semua khasiat itu bermanfaat bagi mereka yang

²⁸⁸ n.a. 2019. *Zingiber Montanum*. Op.cit.

²⁸⁹ Valda Garcia. Op.cit.

²⁹⁰ Ibid.

mengalami kencing manis. Walau bagaimanapun, ia bukanlah pengganti kepada ubat yang diberikan doktor tetapi sebagai usaha tambahan dalam mengawal kadar gula. Penelitian di jurnal *Environmental Health Insights* pada 2010 menyatakan bahawa individu yang menghidap diabetes tahap 1 dan diabetes tahap 2 yang mengamalkan memakan bawang merah menunjukkan kadar glukosa yang lebih rendah hingga 4 jam.²⁹¹ Mineral kromium di dalam bawang membantu mengawal kadar gula dalam darah. Perkara ini adalah sangat penting bagi individu yang mengalami diabetes atau prediabetes. Selain itu, kandungan 'quercetin' juga dapat membantu mengurangkan rasa sakit pada bahagian kepala yang disebabkan selesema dan hidung tersumbat kerana kandungan sulfur pada bawang merah yang mampu memecahkan mukus. Kandungan flavonoid pada bawang merah ini dikatakan dapat membantu fungsi jantung. Selain itu, kandungan organosulfur pada bawang merah dapat membantu mencegah risiko munculnya penyakit kardiovaskular. Para pengamal tradisional percaya bawang merah dianggap sebagai tonik untuk organ dalaman. Kepercayaan itu berasaskan satu kajian yang menunjukkan kandungan sebatian organosulfur dalam bawang merah merupakan agen antiplatelet. Antiplatelet merupakan satu keadaan yang mana berlakunya pembekuan darah apabila berlaku kecederaan. Dengan mengambil bawang merah, ia dikatakan dapat merencatkan agrigasi platelet seterusnya mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular.²⁹² Ia juga mengandungi thiosulfinates yang dapat membantu mengurangkan dan menurunkan risiko penyakit strok (angin ahmar)²⁹³ dan sebagai agen antiasma

²⁹¹ Valda Garcia. Op.cit..

²⁹² Naimah Muhamamd. Op.cit.

²⁹³ Fairul Asmaini Mohd Pilus. Op.cit..

atau antilelah. Menurut Dr Mohammad Amir Wan Harun, sebatian sulfur thiosulfates yang terdapat di dalam bawang merah mampu meredakan penyakit asma. Ini kerana sulfur thiosulfates mampu menjadi agen untuk mengurangkan sempit yang dialami oleh pesakit.²⁹⁴ Bawang merah adalah sejenis sayuran yang mengandungi kandungan antioksidan yang tinggi dan ada kimia lain yang bersifat asidik juga antibakteria. Apabila kita potong bawang dan rasa mahu menangis, sebenarnya bawang itu melepaskan gas yang bersifat antibakteria. Sebab itu apabila kita letak di tepi katil pesakit demam atau selepas keadaan ini membantu menyelesaikan pesakit kerana bawang melepaskan gas antibakteria.²⁹⁵

- iii. Halba (*Trigonella foenum-graecum*) adalah sejenis herba dari keluarga *Fabaceae* berasal daripada perkataan Arab (حلبة).²⁹⁶ Dalam bahasa Inggeris, halba dikenali sebagai *fenugreek*. Pokok halba mampu mencapai ketinggian sehingga 90 sentimeter. Berdaun hijau, mempunyai bunga kecil berwarna putih, serta lengai yang mengandungi biji berwarna coklat keemasan. Tanaman ini tumbuh subur dan luas di India Mesir dan negara Timur Tengah. Ia berbentuk butiran kecil berwarna coklat dan sering digunakan dalam menu berempah terutamanya yang berasal dari Timur Tengah, India, Pakistan dan Sri Lanka.²⁹⁷ Ahli botani masih tidak dapat memastikan jenis tumbuhan *Trigonella* yang menghasilkan halba tanaman. Bagaimanapun, halba dipercayai ditanam buat pertama kali di Timur Tengah, berdasarkan penemuan yang berikut; (1) biji halba yang hangus di Tell Halal, Iraq (pentarikan radiokarbon: 4000 SM); (2)

²⁹⁴ Naimah Muhamamd. Op.cit.

²⁹⁵ Mingguan Wanita. Op.cit.

²⁹⁶ Muhammad Mushfique Bin Ahmad Ayoub @ Ayub. 2018. Irsyad Al-Hadith Series 310: The Advantages Of Fenugreek. diakses: 28 Jun 2022.

²⁹⁷ Yusliza Yakimir Abd Talib. 2016. Singkap Rahsia Halba. Harian Metro. h. 24.

biji halba yang hangus di kota Lachish (Zaman Gangsa); dan (3) biji kering di makam Tutankhamen.²⁹⁸ Di Indonesia, selain digunakan sebagai rempah dalam masakan, halba turut menjadi salah satu ramuan jamu. Halba juga ada digunakan sebagai kandungan dalam sabun atau syampu. Orang India mencampurkan biji halba dan yogurt yang digunakan sebagai perapi rambut.²⁹⁹ Kekayaan khasiat rempah halba telah menjadikannya bahan dalam terapi perubatan tradisional China, Arab, dan India. Biji halba ini turut digunakan dalam terapi Ayurveda dari India, yang dipercayai dapat memberi kesan penurunan kadar kolesterol darah pada haiwan yang diuji. Manakala penggunaannya dalam sistem perubatan tradisional India, China dan Arab adalah sebagai penawar diabetes serta hiperkolesterol. Khasiat lain herba dipercayai dapat mengatasi gangguan saluran pencernaan seperti kembung, batuk, bronchitis, sakit tekak, panas badan yang meningkat dan ulser pada rongga mulut. Khasiat halba juga diketahui secara tradisional dapat melancarkan pengeluaran air susu ibu. Sejak 1945, seorang pengkaji Mesir melaporkan hasil kajian membuktikan halba berkhasiat sebagai perangsang pengeluaran air susu ibu. Oleh itu, penggunaan halba untuk tujuan memperbanyakkan air susu ibu digalakkan malah ianya selamat untuk bayi yang menyusu. Antara manfaat lain halba sebagai antikanser, melegakan sakit kepala dan migrain.³⁰⁰ Dalam perubatan tradisional juga, halba digunakan untuk melegakan kesakitan. Kajian dijalankan dengan memberi kapsul halba sebanyak tiga kali sehari kepada wanita yang mengalami senggugut. Hasilnya,

²⁹⁸ Halba. <https://ms.wikipedia.org/wiki/Halba>. diakses: 28 Jun 2022.

²⁹⁹ Yusliza Yakimir Abd Talib. Op.cit.

³⁰⁰ Ibid.

mereka mengalami kesakitan yang berkurangan.³⁰¹ Kandungan antioksidan, vitamin, serta mineral di dalam halba menyumbang kepada kesan anti-keradangan. Komponen tersebut menghalang pembentukan radikal bebas lalu melindungi sel badan daripada kerosakan. Halba mengandungi karbohidrat sehingga 60 peratus, protein dan minyak lemak, pati minyak, flavonoid, saponin serta kumarin. Terdapat hasil penelitian yang menunjukkan halba berkhasiat menurunkan kadar gula dalam darah yang ditunjukkan daripada proses kompaun alkaloid tri-gonelline dan kumarin.³⁰²

- iv. Jintan Putih (*Cuminum cyminum*) merupakan tumbuhan berbunga dari famili *Apiaceae* iaitu keluarga yang sama dengan jintan manis, bunga lawang, parsli dan saderi.³⁰³ Jintan putih berasal dari kawasan Mediterranean timur ke India dekat kaki pegunungan Himalaya.³⁰⁴ Ia merupakan sejenis herba yang kerap digunakan untuk menyedapkan makanan dengan memberi rasa pedas. Terdapat dua jenis jintan yang diketahui umum di Malaysia seperti jintan putih dan jintan manis. Jintan putih telah lama digunakan dalam pengubatan tradisional di beberapa wilayah Asia. Kajian moden telah mengesahkan terdapat beberapa manfaat kesihatan yang secara tradisional dikenalpasti dari herba biji jintan putih termasuk membantu dalam proses pencernaan dan mengurangkan jangkitan yang mungkin merebak melalui makanan.³⁰⁵ Kaedah pengubatan tradisional seringkali mengesyorkan jintan putih jika seseorang mengalami

³⁰¹ Nur Shazleen Nisha Rozali. 7 Khasiat Halba Yang Perlu Anda Tahu. Root Of Science. <https://rootofscience.com/blog/2020/kesihatan/pemakanan/7-khasiat-halba-yang-perlu-anda-tahu/>. diakses: 14 Jun 2022.

³⁰² Yusliza Yakimir Abd Talib. Op.cit.

³⁰³ 11 Khasiat Jintan Putih Menurut Sains (Baik Untuk Lelaki dan Wanita). 2022. <https://jiwasihat.com/khasiat-jintan-putih/>. diakses: 28 Jun 2022.

³⁰⁴ Jinten (*Cuminum cyminum* L.). Op.cit.

³⁰⁵ Mohd Anim Hosnan. 2021. Fakta Herba – Jintan. <http://animhosnan.blogspot.com/2021/03/fakta-herba-jintan.html>. diakses: 28 Jun 2022.

masalah berkaitan pencernaan, seperti cirit-birit, loya, sakit perut, dan kembung perut. Penelitian yang terdapat pada Pharmacognosy Research membuktikan bahawa ekstrak jintan putih mampu membantu melegakan masalah penghadaman yang dialami oleh seekor tikus. Jintan putih dapat menurunkan kadar gula dalam darah bagi sesetengah orang. Perhatikan tanda-tanda gula dalam darah rendah (hipoglikemia) dengan teliti jika pesakit menghadapi diabetes dan menggunakan jintan putih. Ini kerana jintan putih dapat mengurangkan gula dalam darah. Ubat diabetes juga digunakan untuk menurunkan gula dalam darah. Mengambil jintan putih bersama ubat diabetes mungkin menyebabkan gula dalam darah pesakit terlalu rendah. Walaubagaimanapun, dos pengambilan jintan putih mungkin berbeza untuk setiap pesakit. Ia bergantung pada usia dan tahap kesihatan pesakit. Di samping itu, pemberian beberapa dos jintan putih membantu melegakan gejala cirit-birit pada tikus.³⁰⁶ Jintan putih juga berfungsi sebagai agen anti-kanser iaitu dapat mengelakkan kanser menjadi semakin besar dan mengelakkan masalah kanser berulang. Dakwaan ini cuba dibuktikan oleh sekumpulan penyelidik dari Philadelphia, Amerika Syarikat pada tahun 2011. Mereka berjaya mengekstrak dua sebatian daripada jintan putih iaitu Thymoquinone dan Alpha-hederin. Sebatian tersebut mempunyai keupayaan anti-kanser yang tinggi yang merencatkan pertumbuhan sel kanser.³⁰⁷ Jurnal berjudul Anticarcinogenic Effects of Some Indian Plant Products menyatakan bahawa daun basil dan jintan merupakan tanaman yang mengandungi zat *anticarcinogen* yang kuat.

³⁰⁶ 9 Manfaat Jintan Putih, Mulai dari Mencegah Diabetes hingga Kanker!. 2021. <https://www.orami.co.id/magazine/jintan-putih>. 28 Jun 2022.

³⁰⁷ Nurul Kasmaidillawati Zakaria. Op.cit.

Kandungan ini dapat mencegah sel kanser dari berkembang dan menyebar ke seluruh badan. Kajian pakar pada seekor tikus yang diberi makan jintan membuktikan bahawa tikus tersebut terhindar dari masalah kanser usus.³⁰⁸ Jintan putih juga telah dikenal pasti sebagai agen antioksidan yang sangat baik untuk tubuh badan. Kajian daripada Institut Penyelidikan Teknologi Makanan di India pada tahun 2005 mendedahkan bahawa jintan putih kaya dengan sebatian fenolik. Sebatian fenolik ini merupakan bahan antioksidan yang sangat baik terutamanya dalam melawan serangan oksidan seperti radikal bebas, hidroksil dan peroksi pada peringkat sel.³⁰⁹ Dalam penyelidikan yang diterbitkan oleh *Journal of Egyptian Archaeology*, masyarakat Mesir Kuno mengamalkan minuman jintan putih bersama madu dan susu untuk mengurangkan simptom batuk. Namun, pemerhatian ini hanyalah bersandarkan amalan petua tradisional tanpa pembuktian klinikal dan saintifik.³¹⁰

- v. Sirih (*Piper betle*) merupakan sejenis tumbuhan herba dari keluarga *Piperaceae*. Daun Sirih merupakan sejenis daun tumbuhan yang tumbuh menjalar yang digunakan oleh masyarakat Melayu di Malaysia dalam beberapa adat istiadat seperti majlis perkahwinan, perubatan tradisional dan juga sebagai daun pelbagai guna membantu kesihatan manusia.³¹¹ Dalam perubatan Melayu, sirih yang terbukti secara saintifik menyandungi minyak sari digunakan bagi mengubati penyakit seperti keputihan, nafas berbau, badan berbau, batuk, radang selaput lendir mata, traumatik, jantung berdebar-debar, kemurungan,

³⁰⁸ 9 Manfaat Jintan Putih. Op.cit.

³⁰⁹ Nurul Kasmadillawati Zakaria. Op.cit.

³¹⁰ Ibid.

³¹¹ Mohd Anim Hosnan. 2017. SIREH - Apakah Hebatnya!.

<http://animhosnan.blogspot.com/2017/06/sireh-apakah-hebatnya.html>. 28 Jun 2022.

demam selepas bersalin, air susu terlampau banyak dan sariawan.³¹² Hasil penemuan kajian saintifik mendapati daun sirih mengandungi antiseptik semulajadi iaitu bahan Eugenol, bahan yang membantu dalam membunuh kuman dan menghalang pembiakan koloni fungus atau kulat yang dapat menghilangkan rasa gatal-gatal kulit seperti kurap dan kayap. Selain itu, daun sirih dengan khasiat hemostasis dapat melancarkan perjalanan darah dan menghentikan perdarahan. Ini kerana kandungan bahan Hydroxyl-chavicol yang terdapat di dalam daun sirih membantu dalam menormalkan perjalanan darah serta ia mempercepatkan pembekuan darah yang keluar; kandungan bahan Astrigen pula membantu mengecutkan dan memulihkan tisu-tisu organik badan akibat luka. Antara bahan lain yang terkandung di dalam sirih ialah Flavournoid dan Polyphenol dimana ia bertindak dalam menegangkan kulit, mengelakkan kedutan kulit dan membantu melancarkan peredaran darah serta membantu memperlahan proses penuaan. Selain itu, daun sirih yang dikunyah dapat membantu memperbanyakkan rembesan air liur kerana terdapat kandungan bahan yang dinamakan Sialagoga di dalam daun sirih. Sirih juga sesuai dijadikan sebagai ubat batuk berkahak, bengkak dibahagian tekak dan sakit tekak kerana terkandung bahan Ekspektoran, dimana bahan ini membantu dalam menghilangkan lendir dan kahak apabila dimakan dengan kadar sesuai.³¹³

- vi. Meswi - Mesoyi atau masoi (*Cryptocarya massoia* (Oken) Kosterm.) adalah sejenis pohon yang masih sama spesies dengan kayu manis. Di Papua ia dikenali sebagai *aikor* atau *aikori*. Sejenis pohon yang tingginya sekitar 25 m. Batang pokok berukuran diameter \pm 30 cm, tebal kulit kayu dapat mencapai 0.5 cm serta

³¹² Noraida Arifin. Op.cit. h. 224.

³¹³ Mohd Anim Hosnan. Op.cit.

mengeluarkan aroma wangi. Aroma wangi berasal dari kandungan minyak atsiri yang dikenali sebagai *Massoia lactone*. Bentuk daun pokok ini berbentuk bulat telur yang meruncing ke arah ujung daun. Kedudukan daun melingkar atau berlawanan antara satu sama lain. Bunga pokok meswi muncul di pangkal daun. Kayunya digunakan untuk mendirikan bangunan. kulit kayu dijadikan campuran untuk pewarna merah dan campuran untuk dijadikan minyak wangi.³¹⁴

- vii. Bawang Putih (*Allium sativum* L.) merupakan spesies dari keluarga Alliaceae. Ekstrak bawang putih berkesan sebagai antibakteria, antikulat, antiinflamasi, antimikrob, insektisid, antivirus, anti barah dan toksid terhadap jejentik. Ia juga mampu merawat influenza, keputihan, selesema, tibi, tifoid,³¹⁵ melegakan athma, artritis, selesema, jangkitan sinus, sakit tekak, mengurangkan tahap kolesterol dalam badan, memperbaiki aliran darah dan merendahkan tekanan darah,³¹⁶ mencegah daripada penyakit kanser, mencegah serangan jantung dan dapat melegakan batuk.³¹⁷ Menurut kajian, kandungan alicin dalam bawang putih mampu mencegah tumor kerana ia dapat menyekat pembiakan sel-selnya.³¹⁸ Khasiat bawang putih telah diketahui sangat berguna untuk kesihatan manusia kerana membantu dalam membunuh parasit, membantu dalam sistem pernafasan dan melancarkan sistem penghadaman. Ia telah digunakan semenjak 510 SM di China sebagai tumbuhan sihat untuk kesihatan manusia. Kajian saintis menunjukkan setiap 100 gram bawang putih mengandungi 623 kJ kalori, karbohidrat (33 g), gula (1 g), serat (2.1 g), lemak (0.5 g), protein (6.39 g), beta

³¹⁴ 2012. https://wiki.edunitas.com/ind/114-10/Mesoyi_102657__eduNitas.html#cite_note-1. 28 Jun 2022.

³¹⁵ Hean Chooi Ong. Op.cit. h. 69.

³¹⁶ Sabda. S. Op.cit. h. 33.

³¹⁷ Khasiat Bawang Putih. 2016. Buletin HKP (Hospital Kuala Penyu). 28 Jun 2022.

³¹⁸ Sabda. S. Op.cit.

karotin (5 microgram), thiamine (vitamin B1) (0.2 microgram), riboflavin (vitamin B2) (0.11 microgram), niacin (0.7 microgram), asid panthitenik (0.59 microgram), Vitamin B6 (1.2535 microgram), folate (3 microgram), vitamin C (31.2 mg), kalsium (181 mg), zat besi (1.7 mg), magnesium (25 mg), fosforus (153 mg), kalium (401 mg), natrium (17 mg) dan zink (1.16 mg). Kandungan zat lain ialah seperti mangan (1.672 mg) dan selenium (14 micrograms).³¹⁹ Kandungan nutrien ini memberikan bawang putih sebagai sumber mineral utama untuk kesihatan manusia.

- viii. Cekur atau cekur putih dikenali dengan nama saintifiknya *Kaempferia Galanga* Linn yang mana ianya tersenarai dalam keluarga Zingiberaceae. Nama lain bagi cekur ialah Kecur (Indonesia), *Prohan* (Thailand), *Lesser Galangga* dan *Fingerroot* (Amerika Syarikat), Maraba dan Chinese ginger³²⁰. Cekur adalah sejenis tumbuhan tropika yang terdapat di Malaysia. Cekur bukan sahaja bahan penting dalam masakan orang Malaysia tetapi berperanan besar dalam masakan Indonesia, Thailand, Vietnam dan India.³²¹ Masyarakat Cina menggunakan rizom cekur untuk mengubat sakit gigi, menghilangkan kelemumur, membunuh kutu kepala, membuang angin dalam perut dan mengubati sembelit dan sakit kepala. Ia juga dijadikan bahan pembuka selera. Di Filipina, rizom cekur digunakan untuk menyembuhkan penyakit selsema dengan cara menghidu rizomnya. Air rizom cekur digunakan untuk menyembuhkan luka dalam perut dan sebagai ramuan dalam tonik. Di Indonesia, cekur banyak digunakan oleh kaum wanita terutamanya dalam penyediaan semua ramuan ubat tradisional.

³¹⁹ Khasiat Bawang Putih. Op.cit.

³²⁰ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 16.

³²¹ Pokok Herba. Op.cit.

Bagi rawatan wanita selepas bersalin, rizom cekur digunakan untuk memanaskan bahagian perut dan merawat bengkak dan kebas otot. Di India pula, wangian daripada cekur digunakan untuk melindungi pakaian daripada serangga. Air rebusan rizomnya digunakan untuk membasuh rambut bagi mengatasi masalah kelemumur dan menghilangkan rasa gatal dan pedih akibat gigitan ulat bulu.³²² Melalui rawatan alternatif secara tradisional, cekur dijadikan tonik dan digunakan untuk mengubati batuk kering dan bronchitis. Di Asia Tenggara, rizom cekur dicampurkan dengan lada sulah, kayu manis dan madu untuk mengubati selsema.³²³ Antara bahan kimia yang didapati dalam cekur ialah karminatif, diuretik, expectorant dan borneol. Sebagai contoh, borneol yang terdapat dalam cekur merupakan sebatian sangat aktif yang diketahui menunjukkan aktiviti antispasmodik yang dapat melegakan dan mencegah kekejangan otot³²⁴ dan sebagai perangsang sistem saraf pusat.³²⁵ Dari segi sains ini dapat menjelaskan penggunaannya dalam rawatan kolik abdomen, sakit perut dan letargi. Cekur juga terbukti mempunyai sifat analgesik iaitu agen yang dapat meredakan kesakitan dan kesan kebas³²⁶ dan sifat antioksidan yang bertindak untuk mencegah dan mengurangkan kerosakan berpunca dari proses pengoksidaan yang membawa kepada sakit kepala, demam, pening³²⁷ dan sengal tulang. Cekur juga dipercayai dapat mengecutkan rahim, membuang angin dan merawat keracunan makanan, ulser mulut serta batuk. Selain itu, bahagian akar cekur digunakan untuk merawat keracunan makanan, ulser mulut,³²⁸ batuk, sakit

³²² Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 17-18.

³²³ Pokok Herba. Op.cit.

³²⁴ n.a. 2011. American Heritage® Dictionary of the English Language. Op.cit.

³²⁵ Abdul Ghani Hussain. Op.cit.

³²⁶ Huang. Op.cit.

³²⁷ Qin Ma et.al. Op.cit.

³²⁸ Samy, Joseph. Op.cit. h.133.

tekak dan selsema. Akar cekur yang dikunyah dan ditelan boleh membuat seseorang itu khayal.³²⁹

4.3 PRESKRIPSI DAN KAEDAH RAWATAN DEMAM KEPIALU

Demam kepialu ini telah disebut sebanyak 12 kali sebutan preskripsinya di dalam manuskrip MSS 2502. Meskipun begitu apabila proses transliterasi dilakukan hanya terdapat tiga kaedah/preskripsi sahaja yang dapat dibaca dengan lengkap manakala teks yang lain tidak dapat digunakan kerana terdapat bahagian yang tidak dapat ditrasliterasikan dengan sempurna oleh kerana faktor teks yang kabur dan tulisan yang bertindan. Berdasarkan tiga preskripsi lengkap yang ditawarkan penulis kitab ini, pengkaji dapati bahawa melalui simptom yang dihadapi oleh pesakit penyakit demam kepialu ini juga merujuk kepada jenis 'demam tiada berketahuan'. Persamaan simptom ini dapat dilihat apabila pesakit akan mengalami gejala seperti sakit kepala, mengalami demam panas yang berpanjangan, sembelit, cirit birit, sakit perut, loya dan muntah-muntah,³³⁰ sakit badan seperti lemah serta letih dan lesu. Selain itu, pesakit yang menghidapi demam kepialu juga akan berkurang selera makan, mata pesakit layu dan cengkung, tidak sedarkan diri dan meracau serta terdapat ruam iaitu bintik merah pada bahagian atas badan.³³¹ Jika tidak dirawat sesetengah orang boleh mengalami komplikasi yang serius dan boleh membawa kepada maut. Meskipun

³²⁹ Pokok Herba. Op.cit.

³³⁰ Fluoroquinolone Untuk Merawat Demam Enterik. Op.cit.


³³¹ Bahagian Pendidikan Kesihatan. Op.cit.

begitu, simptom mengenai demam kepialu tidak dijelaskan secara terperinci di dalam MSS 2502 ini.

Analisis mendapati terdapat variasi bagi penggunaan materia medika yang digunakan, sebagai salah satu daripada ikhtiar rawatan. Perincian mengenai preskripsi ini dibincangkan sebagaimana di bawah;

4.3.1 Penggunaan Herba/Tumbuhan

a. Preskripsi 1: Ubat Demam Kepialu



Transliterasi:

Fasal pada menyatakan ubat demam kepialu ambil daun lakum maka rebus pada periuk maka tangaskan pada kaki tangan afiyat olehnya.³³²

Jadual 17: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Kepialu

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Daun Lakum	Tidak dinyatakan
Jumlah		


Sumber: MSS 2502

³³² n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:121. h. 22.

Berdasarkan preskripsi di atas cara untuk merawat demam kepialu hanya dengan menggunakan daun lakum sahaja, daun tersebut perlulah direbus terlebih dahulu kemudian ditangaskan pada kaki dan tangan pesakit.

- i. Daun lakum (*Vitis diffusa*) atau dikenali sebagai ubi kertas dan lakom merupakan spesies dari keluarga *vitaceae*. Lakom merupakan antara tumbuhan liar dan menjalar yang mempunyai khasiat perubatan yang tinggi. Bahagian yang digunakan untuk perubatan ialah daun dan ubinya.³³³

b. Preskripsi 2: Ubat Kepialu



Transliterasi:

Sebagailagi ubat kepialu ambil limau purut dan tuba janun maka tutuk³³⁴ airnya gosokkan tu pada tubuh afiyat olehnya.³³⁵

Jadual 18: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Kepialu

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Limau Purut	Tidak dinyatakan
2.	Tuba ³³⁶ Janun	
Jumlah		

Sumber: MSS 2502

³³³ <https://herba.berita1.com/daun-lakum>. 28 Jun 2022.


³³⁴ Mengetuk Atau Memukul Perlahan-Lahan. Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tuduk>. 28 Jun 2022.

³³⁵ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:126. h. 23.

³³⁶ Daun dan batang mengandungi rotenon, suatu alkaloid. Rujuk: http://p2k.unkris.ac.id/id3/3065-2962/Tuba_26592_p2k-unkris.html. Tuba adalah nama jenis-jenis tumbuhan dari Asia Tenggara dan kepulauan di Pasifik barat daya yang biasa dipergunakan untuk meracuni ikan. Nama lain bagi tuba adalah tuba akar, tuwa laleur, areuy kidang (Sd.), jenu, jelun, tungkul (Jw.), tobha, jheno, mombul (Md.) dsb-nya. Lihat: http://p2k.unkris.ac.id/id3/3065-2962/Tuba_26592_p2k-unkris.html

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ubat kepialu hanya dengan menggunakan dua bahan sahaja iaitu limau purut dan tuba janun. Bahan tersebut perlulah diketuk sehingga keluar air darinya kemudian digosokkan kepada tubuh pesakit.

c. Preskripsi 3: Demam Tiada Berketahuan



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam tiada berketahuan ambil adas manis dan daun limau purut dan cendana di asah maka kuspahkan pada segala tubuh afiyat olehnya.³³⁷

Jadual 19: Matera Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Tiada Berketahuan

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Adas Manis	1
2.	Daun Limau Purut	Tidak dinyatakan
3.	Cendana	Tidak dinyatakan
Jumlah		

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ubat demam tiada berketahuan adalah dengan menggunakan tiga bahan tersebut yang perlu diasah terlebih dahulu. Ketiga-tiga bahan tersebut perlulah disapukan pada seluruh tubuh pesakit.

³³⁷ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:111. h. 20.

- i. Adas manis atau anis (*Pimpinella anisum*) merupakan sejenis tumbuhan berbunga dari famili Apiaceae. Spesies *Pimpinella* digunakan sebagai sumber makanan oleh larva spesies Lepidoptera, termasuk ngengat *Eupithecia centaureata* dan *Eupithecia absinthiata*. Mengandungi komponen yang sama seperti akar manis, adas manis terasa manis dan memiliki kewangian yang tersendiri. Adas manis mengandungi anethole, dan dikenali sebagai zat phytoestrogen. Adas manis merupakan antiparasit ringan dan daunnya dapat digunakan untuk merawat masalah pencernaan, meredakan sakit gigi, dan pati minyak adas manis boleh digunakan untuk menyembuhkan penyakit kudis. Dalam aromaterapi, pati minyaknya digunakan untuk merawat demam selsema. Menurut Pliny the Elder, adas manis digunakan untuk menyembuhkan masalah sukar tidur (insomnia) dan meredakan bisa sengatan kalajengking iaitu dengan memakan adas manis bersama dengan anggur.³³⁸

4.4 PRESKRIPSI DAN KAEDAH RAWATAN DEMAM KURA

Demam kura atau dikenali sebagai malaria ini telah disebut sebanyak 21 kali sebutan preskripsinya di dalam manuskrip MSS 2502. Meskipun begitu apabila proses transliterasi dilakukan hanya terdapat 15 kaedah/preskripsi sahaja yang dapat dibaca dengan lengkap manakala teks yang lain tidak dapat digunakan kerana terdapat bahagian yang tidak dapat ditrasliterasikan dengan sempurna oleh kerana faktor teks yang kabur dan tulisan yang bertindan. Berdasarkan 15 preskripsi lengkap yang ditawarkan penulis kitab ini, pengkaji dapati bahawa melalui simptom yang dihadapi

³³⁸ Adas Manis. http://p2k.unkris.ac.id/id3/3065-2962/Adas-Manis_102509_p2k-unkris.html. 28 Jun 2022.



oleh pesakit penyakit demam kura ini juga merujuk kepada jenis 'tuju kura', 'demam sehari hari datangnya', 'demam sembaran' dan 'demam dua hari berhangat'. Persamaan simptom ini dapat dilihat apabila pesakit akan mengalami simptom kesejukan, disertai menggigil, demam yang sangat panas dan berpeluh. Ia akan berulang-ulang untuk jangkamasa tertentu. Selain itu, pesakit juga akan mengalami sakit kepala, sakit sendi, cirit-birit, muntah dan tiada selera makan. Pesakit juga boleh mendapat demam kuning disebabkan oleh sel hati yang pecah ketika parasit ini membiak ataupun simptom anemia (kurang darah) juga disebabkan oleh proses pembiakan parasit di dalam sel.³³⁹ Komplikasi utama jangkitan malaria ini ialah gangguan pernafasan atau sesak nafas. Ia membabitkan 25 peratus kes bagi dewasa dan 40 peratus bagi kanak-kanak yang dijangkiti malaria. Hati pesakit juga boleh bengkak dan gagal berfungsi disebabkan oleh jangkitan ini. Selain hati, limfa juga akan membengkak. Ada pula jenis parasit yang boleh memberi kesan atau menjangkiti otak manusia. Ia akan menyebabkan pesakit gagal mengawal pergerakan badan, keseimbangan, sawan dan ada kala boleh menyebabkan koma dan kematian. Kegagalan buah pinggang juga boleh berlaku. Pada peringkat awal biasanya pesakit mengalami demam selesema biasa atau simptom demam virus saja. Tetapi demam ini berterusan dan semakin teruk dan akan berulang selang beberapa jam berbanding kepada jenis parasit..

Analisis mendapati terdapat variasi bagi penggunaan materia medika yang digunakan, malah terdapat elemen haiwan atau bahagian tertentu haiwan yang diaplikasikan sebagai salah satu daripada ikhtiar rawatan. Perincian mengenai preskripsi ini dibincangkan sebagaimana di bawah;

³³⁹ 4Life 1Malaysia. Op.cit.

4.4.1 Penggunaan Herba/Tumbuhan

a. Preskripsi 1: Demam Kura



Transliterasi:

Fasal pada menyatakan demam kura namanya iaitu kerana banyak makan makanan yang lemak-lemak atau masam-masam atau salah benuanya maka jadilah besar limpanya bermula demam sangat ketarnya dan pucat warna mukanya akan ubatnya ambil daun senduduk segenggam herat dan daun gandarusa segenggam herat dan bawang putih sehulas dan lada tujuh biji maka pipis akan airnya juga ambil patinya dua ruas telunjuk maka minum tiga hari hampas pupukkan betul kura itu afiyat olenya.³⁴⁰

Jadual 20: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Kura

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Daun Senduduk	Segenggam
2.	Daun Gandarusa	Segenggam

³⁴⁰ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:131. h. 24 & 25.

3.	Bawang Putih	1 (Ulas)
4.	Lada	7
Jumlah		10

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat demam kura adalah dengan melumatkan atau menghaluskan daun senduduk, daun gandarusa, bawang putih dan lada. Pati tersebut diambil sebanyak dua ruas jari telunjuk untuk diminum selama tiga hari dan hampasnya pula disapukan atau diletakkan pada kura.

- i. Daun Senduduk (*Melastoma malabathricum L*) merupakan spesies dari keluarga *Melastomatacea*. Kandungan kimia yang terdapat pada daun senduduk adalah saponin, flavonoida dan tannin. Perubatan tradisional banyak menggunakan senduduk untuk mengubati penyakit. Bahagian yang sering digunakan adalah daun, akar, buah dan biji.³⁴¹
- ii. Daun Gandarusa³⁴² (*Justicia gendarussa linn atau Gandarussa vulgaris*) merupakan spesies dari keluarga *Acanthaceae*. Gandarusa memiliki rasa pedas, sedikit rasa masam, dan bersifat neutral. Beberapa bahan kimia yang terkandung dalam gandarusa ialah justicin, minyak asiri, kalium dan alkaloid yang sedikit beracun. Efek farmakologis gandarusa antaranya ialah melancarkan peredaran darah dan anti-rematik.³⁴³
- iii. Bawang putih (*Allium sativum L.*) merupakan spesies dari keluarga *Alliaceae*. Ekstrak bawang putih berkesan sebagai antibakteria, antikulat, antiinflamasi, antimikrob, insektisid, antivirus, anti barah dan toksid terhadap jejentik. Ia juga

³⁴¹ Norsuraya Desa. 2008. *1001 Misteri Alam. Menyingkap Rahsia Khasiat Sumber Alam Semula Jadi*. Selangor: Buku Prima Sdn Bhd. h. 158.

³⁴² Noraida Arifin. Op.cit. h. 60.

³⁴³ H. Arief Hariana. 2007. *Tumbuhan Obat Dan Khasiatnya*. Jakarta: Penebar Swadaya. h. 111.

mampu merawat influenza, keputihan, selesema, tibi, tifoid,³⁴⁴ melegakan athma, artritis, selesema, jangkitan sinus, sakit tekak, mengurangkan tahap kolesterol dalam badan, memperbaiki aliran darah dan merendahkan tekanan darah,³⁴⁵ mencegah daripada penyakit kanser, mencegah serangan jantung dan dapat melegakan batuk.³⁴⁶ Menurut kajian, kandungan alicin dalam bawang putih mampu mencegah tumor kerana ia dapat menyekat pembiakan sel-selnya.³⁴⁷ Khasiat bawang putih telah diketahui sangat berguna untuk kesihatan manusia kerana membantu dalam membunuh parasit, membantu dalam sistem pernafasan dan melancarkan sistem penghadaman. Ia telah digunakan semenjak 510 SM di China sebagai tumbuhan sihat untuk kesihatan manusia. Kajian saintis menunjukkan setiap 100 gram bawang putih mengandungi 623 kJ kalori, karbohidrat (33 g), gula (1 g), serat (2.1 g), lemak (0.5 g), protein (6.39 g), beta karotin (5 microgram), thiamine (vitamin B1) (0.2 microgram), riboflavin (vitamin B2) (0.11 microgram), niacin (0.7 microgram), asid panthitenik (0.59 microgram), Vitamin B6 (1.2535 microgram), folate (3 microgram), vitamin C (31.2 mg), kalsium (181 mg), zat besi (1.7 mg), magnesium (25 mg), fosforus (153 mg), kalium (401 mg), natrium (17 mg) dan zink (1.16 mg). Kandungan zat lain ialah seperti mangan (1.672 mg) dan selenium (14 micrograms).³⁴⁸ Kandungan nutrien ini memberikan bawang putih sebagai sumber mineral utama untuk kesihatan manusia.

iv. Lada mempunyai rasa pedas yang kuat yang berasal dari kandungan piperine.

Kandungan piperine dalam lada boleh bertindak sebagai antidepresan yang kuat

³⁴⁴ Hean Chooi Ong. Op.cit. h. 69.

³⁴⁵ Sabda. S. Op.cit. h. 33.


³⁴⁶ Khasiat Bawang Putih. Op.cit.

³⁴⁷ Sabda. S. Op.cit.

³⁴⁸ Khasiat Bawang Putih. Op.cit.

untuk membantu merawat kemurungan, meningkatkan kebolehan kognitif dan membantu mengatasi kanser. Pati minyak yang terkandung dalam lada sebenarnya boleh mengurangkan kebimbangan dan kerisauan yang berlebihan. Selain itu, kandungan ekspektoran dalam lada akan membantu memecahkan lendir dan kahak dalam saluran pernafasan apabila seseorang mengalami selesema. Ini kerana selesema menyebabkan saluran pernafasan tersumbat oleh selaput lendir. Jadi apabila selesema dan sukar bernafas, anda boleh makan sup suam yang ditambah lada secukup rasa. Lada juga mengandungi minyak atsiri yang merupakan agen antiseptik dan diuretik yang berfungsi untuk menurunkan panas ketika demam, dan menjaga suhu badan agar tetap normal. Di samping itu, agen antioksidan yang terdapat dalam lada boleh meneutralkan sebatian berbahaya dalam badan dan melindungi sistem imun daripada pelbagai keadaan seperti penuaan pramatang yang dicirikan seperti kedutan, bintik-bintik penuaan, dan hilang ingatan.³⁴⁹

b. Preskripsi 2: Demam Kura



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam kura ambil daun kampi segenggam herat maka pipis dengan cuka maka diminum tiga pagi afiyat olehnya.³⁵⁰

Jadual 21: Matera Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Kura

³⁴⁹ Nina Hertiwi Putri. Op.cit.


³⁵⁰ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:132. h. 25.

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Daun Kampi	Segenggam
2.	Cuka	Tidak dinyatakan
Jumlah		Segenggam Daun Kampi

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat demam kura adalah dengan melumatkan daun kampi bersama dengan cuka dan seterusnya diminum selama tiga pagi.

c. Preskripsi 3: Demam Kura



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam kura ambil terung perat yang masak tiga biji atau empat biji maka perah airnya itu minum dengan cuka masam afiyat olehnya.³⁵¹

Jadual 22: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Kura

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Terung Perat	4
2.	Cuka	Tidak dinyatakan
Jumlah		


Sumber: MSS 2502

³⁵¹ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:135. h. 25.

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ubat demam kura adalah dengan menggunakan terung perat yang masak sebanyak tiga atau empat biji bersama dengan cuka. Terung tersebut perlulah diperah sehingga keluar airnya dan dicampurkan dengan cuka, dan diminum.

- i. Terung perat - Pokok herba ranti dikenali juga sebagai meranti dan terung perat. Terung perat digunakan sebagai tonik, merawat asma, batuk, bengkak pundi, sakit kepala, sakit saraf, sakit perut, kekejangan dan reumatisme. Walaupun terung perat boleh dimakan mentah sebagai ulam tetapi kita perlu berhati-hati supaya tidak makan terlalu banyak kerana ia termasuk dalam senarai tumbuhan yang mengandungi racun berjadual bawah Akta Racun 1952 (Disemak 1989), terung perat lebih selamat dimakan apabila telah masak.³⁵²

d. Preskripsi 4: Demam Kura



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam kura ambil batang sudu-sudu tiga kerat panjangnya empat jari buka buang durinya maka tutuk lumat maka perah air bubuk cuka dan bawang dan lada maka diminum afiyat olehnya.³⁵³

Jadual 23: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Kura

³⁵² Ong Hean Chooi: Sayuran, Khasiat Makanan & Ubatan. (Lihat: <https://kasihilmar.com/tag/terung-perat/>). diakses: 28 Jun 2022.

³⁵³ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:138. h. 25.

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Batang sudu-sudu	3 kerat
2.	Cuka	Tidak dinyatakan
3.	Bawang	Tidak dinyatakan
4.	Lada	Tidak dinyatakan
Jumlah		3 Kerat

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ramuan ubat demam kura, gunakan tiga batang sudu-sudu yang berukuran empat jari, dibuang durinya, ditumbuk lumat-lumat, dan diperah airnya. Air tersebut dicampurkan dengan cuka, bawang dan lada kemudian diminum.

- i. Bawang/Bawang merah - Masyarakat sebenarnya sudah lama memanfaatkan bawang merah untuk kesihatan. Misalnya, bawang merah kerap digunakan sebagai ubat demam. Studi Phytotherapy Research membuktikan bahawa bawang merah adalah sumber antioksidan dan kaya dengan vitamin C.³⁵⁴ Kehadiran vitamin C ini membantu melawan radikal bebas yang berpotensi merosakkan sel-sel di dalam badan. Risiko penyakit-penyakit kronik seperti sakit jantung, kencing manis dan kanser dapat dikurangkan. Bawang merah kaya dengan serat yang baik bagi pertumbuhan bakteria baik dalam usus, ia membantu melancarkan sistem penghadaman dan memastikan pergerakan usus yang baik. Satu kajian pada tahun 2005 di jurnal Clinical Gastroenterology and Hepatology menemukan, oligofruktosa dalam bawang merah membantu mengubati serta mencegah cirit-birit.³⁵⁵ Ia juga mengandungi bahan kimia saponin yang boleh membantu mengurangkan sakit dan kekejangan perut. Bawang merah juga membantu

³⁵⁴ Valda Garcia. Op.cit.

³⁵⁵ Ibid..

membuang toksik di dalam badan, seterusnya membantu melambatkan lagi proses penuaan. Selain itu, ia turut mengandungi selenium yang dipercayai dapat meningkatkan sistem imun seseorang. Kandungan 'quercetin' pada bawang merah dipercayai dapat membantu meredakan radang. Penghasilan insulin dan semua khasiat itu bermanfaat bagi mereka yang mengalami kencing manis. Walau bagaimanapun, ia bukanlah pengganti kepada ubat yang diberikan doktor tetapi sebagai usaha tambahan dalam mengawal kadar gula. Penelitian di jurnal *Environmental Health Insights* pada 2010 menyatakan bahawa individu yang menghidap diabetes tahap 1 dan diabetes tahap 2 yang mengamalkan memakan bawang merah menunjukkan kadar glukosa yang lebih rendah hingga 4 jam.³⁵⁶ Mineral kromium di dalam bawang membantu mengawal kadar gula dalam darah. Perkara ini adalah sangat penting bagi individu yang mengalami diabetes atau prediabetes. Selain itu, kandungan 'quercetin' juga dapat membantu mengurangkan rasa sakit pada bahagian kepala yang disebabkan selesema dan hidung tersumbat kerana kandungan sulfur pada bawang merah yang mampu memecahkan mukus. Kandungan flavonoid pada bawang merah ini dikatakan dapat membantu fungsi jantung. Selain itu, kandungan organosulfur pada bawang merah dapat membantu mencegah risiko munculnya penyakit kardiovaskular. Para pengamal tradisional percaya bawang merah dianggap sebagai tonik untuk organ dalaman. Kepercayaan itu berasaskan satu kajian yang menunjukkan kandungan sebatian organosulfur dalam bawang merah merupakan agen antiplatelet. Antiplatelet merupakan satu keadaan yang mana berlakunya pembekuan darah apabila berlaku kecederaan. Dengan mengambil bawang merah, ia dikatakan dapat merencatkan agrigasi platelet

³⁵⁶ Ibid.

seterusnya mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular.³⁵⁷ Ia juga mengandungi thiosulfates yang dapat membantu mengurangkan dan menurunkan risiko penyakit strok (angin ahmar)³⁵⁸ dan sebagai agen antiasma atau antilelah. Menurut Dr Mohammad Amir Wan Harun, sebatian sulfur thiosulfates yang terdapat di dalam bawang merah mampu meredakan penyakit asma. Ini kerana sulfur thiosulfates mampu menjadi agen untuk mengurangkan sempit yang dialami oleh pesakit.³⁵⁹ Bawang merah adalah sejenis sayuran yang mengandungi kandungan antioksidan yang tinggi dan ada kimia lain yang bersifat asidik juga antibakteria. Apabila kita potong bawang dan rasa mahu menangis, sebenarnya bawang itu melepaskan gas yang bersifat antibakteria. Sebab itu apabila kita letak di tepi katil pesakit demam atau selesema keadaan ini membantu menyelesaikan pesakit kerana bawang melepaskan gas antibakteria.³⁶⁰

- ii. Lada mempunyai rasa pedas yang kuat yang berasal dari kandungan piperine. Kandungan piperine dalam lada boleh bertindak sebagai antidepresan yang kuat untuk membantu merawat kemurungan, meningkatkan kebolehan kognitif dan membantu mengatasi kanser. Pati minyak yang terkandung dalam lada sebenarnya boleh mengurangkan kebimbangan dan kerisauan yang berlebihan. Selain itu, kandungan ekspektoran dalam lada akan membantu memecahkan lendir dan kahak dalam saluran pernafasan apabila seseorang mengalami selesema. Ini kerana selesema menyebabkan saluran pernafasan tersumbat oleh selaput lendir. Jadi apabila selesema dan sukar bernafas, anda boleh makan sup suam yang ditambah lada secukup rasa. Lada juga mengandungi minyak atsiri yang merupakan agen

³⁵⁷ Naimah Muhamamd. Op.cit.


³⁵⁸ Fairul Asmaini Mohd Pilus. Op.cit.

³⁵⁹ Naimah Muhamamd. Op.cit.

³⁶⁰ Mingguan Wanita. Op.cit.

antiseptik dan diuretik yang berfungsi untuk menurunkan panas ketika demam, dan menjaga suhu badan agar tetap normal. Di samping itu, agen antioksidan yang terdapat dalam lada boleh meneutralkan sebatian berbahaya dalam badan dan melindungi sistem imun daripada pelbagai keadaan seperti penuaan pramatang yang dicirikan seperti kedutan, bintik-bintik penuaan, dan hilang ingatan.³⁶¹

e. Preskripsi 5: Demam Kura



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam kura ambil mumbang nyiur yang luruh dan hujung lemukut mata kunyit dan cuka masam dimakan tiga pagi afiyat olehnya.³⁶²

Jadual 24: Matera Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Kura

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Mumbang Nyiur	Tidak dinyatakan
2.	Kunyit	Tidak dinyatakan
3.	Cuka	Tidak dinyatakan
	Jumlah	Tidak dinyatakan

Sumber: MSS 2502

³⁶¹ Nina Hertiwi Putri. Op.cit.

³⁶² n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:139. h. 25.

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ramuan ubat demam kura, hanya dengan menggunakan bahan yang tersebut di atas. Ketiga-tiga bahan tersebut perlu dimakan diwaktu pagi selama tiga hari.

- i. Mumbang nyiur merupakan hasil dari buah kelapa (*Cocos nucifera linn*). Secara umum, kelapa digunakan untuk mengubati keracunan, panas di dalam tubuh, sakit panas, demam berdarah, influenza, sakit gigi dan senggugut.³⁶³
- ii. Kunyit (*Curcuma longa L.*) yang berasal dari keluarga *Zingiberaceae* merupakan sejenis tumbuhan masakan dan ubatan. Kunyit membiak melalui keratan rizom. Peranan kunyit dalam perubatan telah dikenal pasti sejak 3000 tahun lamanya. Bagi masyarakat Melayu, kunyit diminum sebagai jamu terutamanya bagi ibu selepas bersalin. Tujuannya adalah untuk mengecutkan rahim dan mencuci darah. Masyarakat Cina pula percaya bahawa kunyit boleh melancarkan peredaran darah dan menghilangkan kesan lebam dan darah beku. Dalam perubatan Thai, kunyit digunakan untuk merawat bisa patukan ular tedung. Masyarakat Melayu Sarawak mengamalkan bunga kunyit sebagai ulam terutama bagi wanita selepas bersalin. Ia dikaitkan sama khasiatnya dengan mengamalkan ibu kunyit, iaitu menyembuhkan luka bersalin dan memulihkan rahim dan untuk awet muda. Ini kerana kunyit mempunyai sifat antibakteria yang membantu mempercepatkan proses penyembuhan luka.³⁶⁴ Pengamal perubatan tradisional mengakui kunyit boleh membantu mengatasi masalah demam kuning, darah tinggi, batuk, cirit-birit, radang ginjal, kekejangan dan sebagai penyegar badan.³⁶⁵ Bahan kimia utama yang terkandung dalam kunyit

³⁶³ Redaksi AgroMedia. 2008. *Buku Pintar Tanaman Obat*. Jakarta: PT Agromedia Pustaka. h. 129.

³⁶⁴ Noraida Arifin. Op.cit. h. 127.

³⁶⁵ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 57 & 58.

terdiri daripada Curcumin.³⁶⁶ Curcumin merupakan komponen utama curcuminoids yang bertindak sebagai agen antiradang dan untuk itu, ia telah digunakan dalam penyembuhan luka, hepatoprotection (keupayaan untuk melindungi kerosakan hati), dan neuroprotection. Kunyit juga dianggap sebagai herba yang paling berkesan untuk menghalang keradangan sakit sendi selain daripada mengurangkan kesakitan. Pengambilan harian sebanyak 4 mg curcuminoids boleh menghalang keradangan sendi arthritis.³⁶⁷ Penyelidikan yang dijalankan dalam kalangan penduduk Asia mendapati bahawa individu yang makan lebih banyak kari mendapat skor yang lebih tinggi pada ujian fungsi kognitif (ujian yang mengukur ingatan, rentang perhatian, dan sebagainya) berbanding daripada mereka yang tidak makan rempah ratus dengan mencukupi. Para saintis mencatatkan manfaat ini terhasil daripada kunyit, yang merupakan sebahagian daripada diet utama masyarakat di Asia.³⁶⁸ Menurut tinjauan 2017 dalam jurnal Farmakologi Penyelidikan, antioksidan tumbuhan ini (curcumin) dan sebatian antiradang boleh membantu melindungi daripada keadaan jantung tertentu, termasuk penyakit otot jantung dan arrhythmia (degupan jantung yang tidak teratur). Terdapat juga penyelidikan yang membuktikan kunyit menguatkan pundi hempedu, menyekat pembekuan darah yang bahaya, mengurangkan toksin hati, membantu metabolisma lemak dan anti keradangan yang bukan steroid.³⁶⁹ Kunyit juga mempunyai sifat analgesik yang dapat mengurangkan kesakitan. Ia digunakan bagi merawat luka luaran dan dalaman.³⁷⁰

³⁶⁶ Hannef Esquander. Op.cit.


³⁶⁷ Farah Aziz. Op.cit.

³⁶⁸ Farah Aziz. Op.cit.

³⁶⁹ Nasnan Jajuli. Op.cit. 58.

³⁷⁰ Noraida Arifin. Op.cit..

f. Preskripsi 6: Demam Kura



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam kura ambil pucuk pisang kelat maka campur dengan cuka masam maka minum tiga pagi afiyat olehnya.³⁷¹

Jadual 25: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Kura

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Pucuk Pisang Kelat	Tidak dinyatakan
2.	Cuka	Tidak dinyatakan
Jumlah		

Sumber: MSS 2502


Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ubat demam kura adalah dengan mencampurkan pucuk pisang kelat dengan cuka masam. Minum campuran ini setiap pagi, sehingga cukup tiga pagi.

- i. Pisang (*musa acuminata colla*) merupakan spesies dari keluarga Musaceae. Pisang mengandungi sebatian kimia yang sangat kuat. Kimia serotonin merangsang otot licin dalam usus, sementara itu norepinefrin digunakan untuk merawat serangan jantung. Pisang juga mengandungi vitamin A, B dan C. Antara rawatan tradisonal

³⁷¹ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:144. h. 26.

yang menggunakan pisang adalah seperti akar pisang dihancurkan dan ditampal pada bisul, bengkak, jerawat, barah, sakit kepala, demam panas dan kulit terbakar akibat terdedah kepada sinaran UV. Cecair dari akar pisang juga boleh diminum untuk merawat demam kuning, campak, penawar racun, sakit gigi dan demam panas.³⁷²

g. Preskripsi 7: Tuju Kura



Transliterasi:

Sebagailagi tuju kura ambil sirih bertemu urat maka surih dibesi ini yang disurih الرحمن maka bacakan ayat Kursi tiga kali jangan bernafas maka ditiupkan pada sirih itu maka berikan dimakannya in shaa Allah Taala afiyat olehnya.³⁷³

Jadual 26: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Tuju Kura

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Sirih	Tidak dinyatakan
2.	Besi	
Jumlah		

Sumber: MSS 2502

³⁷² Ong Hean Chooi. 2007. *Sayuran Khasiat Makanan Dan Ubatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. h. 91.

³⁷³ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit.. 2502:146. h. 26.

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat tuju kura adalah dengan menggunakan sirih dan surih perkataan الرحمن di besi, kemudian tahan nafas dan bacakan ayat Kursi sebanyak tiga kali dan tiupkan pada sirih tersebut dan beri makan kepada pesakit.


- i. Sirih (*Piper betle*) merupakan sejenis tumbuhan herba dari keluarga *Piperaceae*. Daun Sirih merupakan sejenis daun tumbuhan yang tumbuh menjalar yang digunakan oleh masyarakat Melayu di Malaysia dalam beberapa adat istiadat seperti majlis perkahwinan, perubatan tradisional dan juga sebagai daun pelbagai guna membantu kesihatan manusia.³⁷⁴ Dalam perubatan Melayu, sirih yang terbukti secara saintifik menyandungi minyak sari digunakan bagi mengubati penyakit seperti keputihan, nafas berbau, badan berbau, batuk, radang selaput lendir mata, traumatik, jantung berdebar-debar, kemurungan, demam selepas bersalin, air susu terlampau banyak dan sariawan.³⁷⁵ Hasil penemuan kajian saintifik mendapati daun sirih mengandungi antiseptik semulajadi iaitu bahan Eugenol, bahan yang membantu dalam membunuh kuman dan menghalang pembiakan koloni fungus atau kulat yang dapat menghilangkan rasa gatal-gatal kulit seperti kurap dan kayap. Selain itu, daun sirih dengan khasiat hemostasis dapat melancarkan perjalanan darah dan menghentikan perdarahan. Ini kerana kandungan bahan Hydroxyl-chavicol yang terdapat di dalam daun sirih membantu dalam menormalkan perjalanan darah serta ia mempercepatkan pembekuan darah yang keluar; kandungan bahan Astrigen pula membantu mengecutkan dan memulihkan tisu-tisu organik badan akibat luka. Antara bahan lain yang terkandung di dalam sirih ialah Flavournoid dan Polyphenol dimana ia bertindak dalam menegangkan kulit, mengelakkan kedutan kulit dan

³⁷⁴ Mohd Anim Hosnan. Op.cit.

³⁷⁵ Noraida Arifin. Op.cit. h. 224.

membantu melancarkan peredaran darah serta membantu memperlahan proses penuaan. Selain itu, daun sirih yang dikunyah dapat membantu memperbanyak rembesan air liur kerana terdapat kandunagn bahan yang dinamakan Sialagoga di dalam daun sirih. Sirih juga sesuai dijadikan sebagai ubat batuk berkahak, bengkak dibahagian tekak dan sakit tekak kerana terkandung bahan Ekspektoran, dimana bahan ini membantu dalam menghilangkan lendir dan kahak apabila dimakan dengan kadar sesuai.³⁷⁶

h. Preskripsi 8: Tuju Kura



Transliterasi:

Sebagailagi tuju kura di surih pada sirih bertemu urat maka berikan dimakannya itu dengan lada tujuh biji adapun makan dia pagi pagi hari belum makan nasi ini yang disurih³⁷⁷ ب س م ا ل ل ه ا ل ر ح م ن ا ل ح ي م

Jadual 27: Matera Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Tuju Kura

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Sirih	Tidak dinyatakan
2.	Lada	7
	Jumlah	7 biji

Sumber: MSS 2502

³⁷⁶ Mohd Anim Hosnan. Op.cit.

³⁷⁷ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:147. h. 26.

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat tuju kura adalah dengan menyurih perkataan ini: ب س م ال ل ه ال ر ح م ن ال ح ي م . Disurih pada sirih, kemudian beri sirih tersebut kepada pesakit untuk makan bersama dengan tujuh biji lada. Makan pada waktu pagi sebelum makan nasi.

- i. Sirih (*Piper betle*) merupakan sejenis tumbuhan herba dari keluarga *Piperceae*. Daun Sirih merupakan sejenis daun tumbuhan yang tumbuh menjalar yang digunakan oleh masyarakat Melayu di Malaysia dalam beberapa adat istiadat seperti majlis perkahwinan, perubatan tradisional dan juga sebagai daun pelbagai guna membantu kesihatan manusia.³⁷⁸ Dalam perubatan Melayu, sirih yang terbukti secara saintifik menyandungi minyak sari digunakan bagi mengubati penyakit seperti keputihan, nafas berbau, badan berbau, batuk, radang selaput lendir mata, traumatik, jantung berdebar-debar, kemurungan, demam selepas bersalin, air susu terlampau banyak dan sariawan.³⁷⁹ Hasil penemuan kajian saintifik mendapati daun sirih mengandungi antiseptik semulajadi iaitu bahan Eugenol, bahan yang membantu dalam membunuh kuman dan menghalang pembiakan koloni fungus atau kulat yang dapat menghilangkan rasa gatal-gatal kulit seperti kurap dan kayap. Selain itu, daun sirih dengan khasiat hemostasis dapat melancarkan perjalanan darah dan menghentikan perdarahan. Ini kerana kandungan bahan Hydroxyl-chavicol yang terdapat di dalam daun sirih membantu dalam menormalkan perjalanan darah serta ia mempercepatkan pembekuan darah yang keluar; kandungan bahan Astrigen pula membantu mengecutkan dan memulihkan tisu-tisu organik badan akibat luka. Antara bahan lain yang terkandung di dalam sirih ialah Flavournoid dan Polyphenol dimana ia bertindak dalam menegangkan kulit, mengelakkan kedutan kulit dan

³⁷⁸ Mohd Anim Hosnan. Op.cit.

³⁷⁹ Noraida Arifin. Op.cit. h. 224.


membantu melancarkan peredaran darah serta membantu memperlahan proses penuaan. Selain itu, daun sirih yang dikunyah dapat membantu memperbanyak rembesan air liur kerana terdapat kandunagn bahan yang dinamakan Sialagoga di dalam daun sirih. Sirih juga sesuai dijadikan sebagai ubat batuk berkahak, bengkak dibahagian tekak dan sakit tekak kerana terkandung bahan Ekspektoran, dimana bahan ini membantu dalam menghilangkan lendir dan kahak apabila dimakan dengan kadar sesuai.³⁸⁰

- ii. Lada mempunyai rasa pedas yang kuat yang berasal dari kandungan piperine. Kandungan piperine dalam lada boleh bertindak sebagai antidepresan yang kuat untuk membantu merawat kemurungan, meningkatkan kebolehan kognitif dan membantu mengatasi kanser. Pati minyak yang terkandung dalam lada sebenarnya boleh mengurangkan kebimbangan dan kerisauan yang berlebihan. Selain itu, kandungan ekspektoran dalam lada akan membantu memecahkan lendir dan kahak dalam saluran pernafasan apabila seseorang mengalami selesema. Ini kerana selesema menyebabkan saluran pernafasan tersumbat oleh selaput lendir. Jadi apabila selesema dan sukar bernafas, anda boleh makan sup suam yang ditambah lada secukup rasa. Lada juga mengandungi minyak atsiri yang merupakan agen antiseptik dan diuretik yang berfungsi untuk menurunkan panas ketika demam, dan menjaga suhu badan agar tetap normal. Di samping itu, agen antioksidan yang terdapat dalam lada boleh meneutralkan sebatian berbahaya dalam badan dan melindungi sistem imun daripada pelbagai keadaan seperti penuaan pramatang yang dicirikan seperti kedutan, bintik-bintik penuaan, dan hilang ingatan.³⁸¹

³⁸⁰ Mohd Anim Hosnan. Op.cit.

³⁸¹ Nina Hertiwi Putri. Op.cit.

i. Preskripsi 9: Demam Sehari Hari Datangnya



Transliterasi:

Kedua yakni demam sehari sehari datangnya akan ubatnya minum cuka sehari hari dan makan benda yang masam hingga tiga hari ia makan makanan itu.³⁸²


Jadual 28: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Sehari Hari Datangnya

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Cuka	Tidak dinyatakan
	Jumlah	Tidak dinyatakan

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat demam sehari sehari datangnya adalah dengan menggunakan cuka sahaja. Cuka perlulah diminum setiap hari dan makan benda yang masam juga selama tiga hari.

j. Preskripsi 10: Demam Sembaran³⁸³



³⁸² n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:102. h. 18.

³⁸³ Berdasarkan MSS 2502 sifat penyakit demam sembaran itu tikam menikam pada segala tubuh atau pada leher.

Transliterasi:

Pada menyatakan ubat demam sembaran ambil cekur dan bawang putih dan jeringau maka tiga orang memamah dia maka semburkan pada dahinya atau pada segala tubuhnya jika sakit lututnya ambil cekur dan bawang merah dan daun lagundi pipis airnya arak apa sudah lumat maka ubatkan pada sakit itu.³⁸⁴

Jadual 29: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Sembaran

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Cekur	Tidak dinyatakan
2.	Bawang Putih	Tidak dinyatakan
3.	Jeringau	Tidak dinyatakan
4.	Bawang Merah	Tidak dinyatakan
5.	Daun Lagundi	Tidak dinyatakan
6.	Air Arak	Tidak dinyatakan
	Jumlah	Tidak dinyatakan

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan membuat ubat demam sembaran, tiga orang perlu mengunyah cekur, bawang putih dan jeringau. Setelah itu, disemburkan pada dahi atau keseluruhan tubuh badan pesakit, jika pesakit tersebut mengalami sakit lutut, ambil cekur, bawang merah dan daun lagundi, bahan-bahan tersebut perlu dilumatkan bersama campuran air arak seterusnya sapukan kepada sakit lutut tersebut.

- i. Cekur atau cekur putih dikenali dengan nama saintifiknya *Kaempferia Galanga* Linn yang mana ianya tersenarai dalam keluarga *Zingiberaceae*. Nama lain bagi cekur ialah *Kecur* (Indonesia), *Prohan* (Thailand), *Lesser Galangga* dan *Fingerroot* (Amerika

³⁸⁴ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:129. h. 24.

Syarikat), Maraba dan Chinese ginger³⁸⁵. Cekur adalah sejenis tumbuhan tropika yang terdapat di Malaysia. Cekur bukan sahaja bahan penting dalam masakan orang Malaysia tetapi berperanan besar dalam masakan Indonesia, Thailand, Vietnam dan India.³⁸⁶ Masyarakat Cina menggunakan rizom cekur untuk mengubat sakit gigi, menghilangkan kelemumur, membunuh kutu kepala, membuang angin dalam perut dan mengubati sembelit dan sakit kepala. Ia juga dijadikan bahan pembuka selera. Di Filipina, rizom cekur digunakan untuk menyembuhkan penyakit selsema dengan cara menghidu rizomnya. Air rizom cekur digunakan untuk menyembuhkan luka dalam perut dan sebagai ramuan dalam tonik. Di Indonesia, cekur banyak digunakan oleh kaum wanita terutamanya dalam penyediaan semua ramuan ubat tradisional. Bagi rawatan wanita selepas bersalin, rizom cekur digunakan untuk memanaskan bahagian perut dan merawat bengkak dan kebas otot. Di India pula, wangian daripada cekur digunakan untuk melindungi pakaian daripada serangga. Air rebusan rizomnya digunakan untuk membasuh rambut bagi mengatasi masalah kelemumur dan menghilangkan rasa gatal dan pedih akibat gigitan ulat bulu.³⁸⁷ Melalui rawatan alternatif secara tradisional, cekur dijadikan tonik dan digunakan untuk mengubati batuk kering dan bronchitis. Di Asia Tenggara, rizom cekur dicampurkan dengan lada sulah, kayu manis dan madu untuk mengubati selsema.³⁸⁸ Antara bahan kimia yang didapati dalam cekur ialah karminatif, diuretik, expectorant dan borneol. Sebagai contoh, borneol yang terdapat dalam cekur merupakan sebatian sangat aktif yang diketahui menunjukkan aktiviti antispasmodik yang dapat melegakan dan

³⁸⁵ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 16.

³⁸⁶ Pokok Herba. Op.cit.

³⁸⁷ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 17-18.

³⁸⁸ Pokok Herba. Op.cit.

mencegah kekejangan otot³⁸⁹ dan sebagai perangsang sistem saraf pusat.³⁹⁰ Dari segi sains ini dapat menjelaskan penggunaannya dalam rawatan kolik abdomen, sakit perut dan letargi. Cekur juga terbukti mempunyai sifat analgesik iaitu agen yang dapat meredakan kesakitan dan kesan kebas³⁹¹ dan sifat antioksidan yang bertindak untuk mencegah dan mengurangkan kerosakan berpunca dari proses pengoksidaan yang membawa kepada sakit kepala, demam, pening³⁹² dan sengal tulang. Cekur juga dipercayai dapat mengecutkan rahim, membuang angin dan merawat keracunan makanan, ulser mulut serta batuk. Selain itu, bahagian akar cekur digunakan untuk merawat keracunan makanan, ulser mulut,³⁹³ batuk, sakit tekak dan selesema. Akar cekur yang dikunyah dan ditelan boleh membuat seseorang itu khayal.³⁹⁴

- ii. Bawang Putih (*Allium sativum* L.) merupakan spesies dari keluarga Alliaceae. Ekstrak bawang putih berkesan sebagai antibakteria, antikulat, antiinflamasi, antimikrob, insektisid, antivirus, anti barah dan toksid terhadap jejentik. Ia juga mampu merawat influenza, keputihan, selesema, tibi, tifoid,³⁹⁵ melegakan athma, artritis, selesema, jangkitan sinus, sakit tekak, mengurangkan tahap kolesterol dalam badan, memperbaiki aliran darah dan merendahkan tekanan darah,³⁹⁶ mencegah daripada penyakit kanser, mencegah serangan jantung dan dapat melegakan batuk.³⁹⁷ Menurut kajian, kandungan alicin dalam bawang putih mampu mencegah tumor kerana ia dapat menyekat pembiakan sel-selnya.³⁹⁸ Khasiat bawang putih telah

³⁸⁹ n.a. 2011. American Heritage® Dictionary of the English Language. Op.cit.

³⁹⁰ Abdul Ghani Hussain. Op.cit. h. 232.

³⁹¹ Huang et al. Op.cit.

³⁹² Qin Ma et al. Op.cit.

³⁹³ Samy, Joseph Op.cit..

³⁹⁴ Pokok Herba. Op.cit.

³⁹⁵ Hean Chooi Ong. Op.cit. h. 69.

³⁹⁶ Sabda. S. Op.cit. h. 33.

³⁹⁷ Khasiat Bawang Putih. Op.cit.

³⁹⁸ Sabda. S. Op.cit.

diketahui sangat berguna untuk kesihatan manusia kerana membantu dalam membunuh parasit, membantu dalam sistem pernafasan dan melancarkan sistem penghadaman. Ia telah digunakan semenjak 510 SM di China sebagai tumbuhan sihat untuk kesihatan manusia. Kajian saintis menunjukkan setiap 100 gram bawang putih mengandungi 623 kJ kalori, karbohidrat (33 g), gula (1 g), serat (2.1 g), lemak (0.5 g), protein (6.39 g), beta karotin (5 microgram), thiamine (vitamin B1) (0.2 microgram), riboflavin (vitamin B2) (0.11 microgram), niacin (0.7 microgram), asid panthitenik (0.59 microgram), Vitamin B6 (1.2535 microgram), folate (3 microgram), vitamin C (31.2 mg), kalsium (181 mg), zat besi (1.7 mg), magnesium (25 mg), fosforus (153 mg), kalium (401 mg), natrium (17 mg) dan zink (1.16 mg). Kandungan zat lain ialah seperti mangan (1.672 mg) dan selenium (14 micrograms).³⁹⁹ Kandungan nutrien ini memberikan bawang putih sebagai sumber mineral utama untuk kesihatan manusia. g

- iii. Bawang Merah - Masyarakat sebenarnya sudah lama memanfaatkan bawang merah untuk kesihatan. Misalnya, bawang merah kerap digunakan sebagai ubat demam. Studi Phytotherapy Research membuktikan bahawa bawang merah adalah sumber antioksidan dan kaya dengan vitamin C.⁴⁰⁰ Kehadiran vitamin C ini membantu melawan radikal bebas yang berpotensi merosakkan sel-sel di dalam badan. Risiko penyakit-penyakit kronik seperti sakit jantung, kencing manis dan kanser dapat dikurangkan. Bawang merah kaya dengan serat yang baik bagi pertumbuhan bakteria baik dalam usus, ia membantu melancarkan sistem penghadaman dan memastikan pergerakan usus yang baik. Satu kajian pada tahun 2005 di jurnal Clinical Gastroenterology and Hepatology menemukan, oligofruktosa dalam bawang merah

³⁹⁹ Khasiat Bawang Putih. Op.cit.

⁴⁰⁰ Valda Garcia. Op.cit..


membantu mengubati serta mencegah cirit-birit.⁴⁰¹ Ia juga mengandungi bahan kimia saponin yang boleh membantu mengurangkan sakit dan kekejangan perut. Bawang merah juga membantu membuang toksik di dalam badan, seterusnya membantu melambatkan lagi proses penuaan. Selain itu, ia turut mengandungi selenium yang dipercayai dapat meningkatkan sistem imun seseorang. Kandungan 'quercetin' pada bawang merah dipercayai dapat membantu meredakan radang. Penghasilan insulin dan semua khasiat itu bermanfaat bagi mereka yang mengalami kencing manis. Walau bagaimanapun, ia bukanlah pengganti kepada ubat yang diberikan doktor tetapi sebagai usaha tambahan dalam mengawal kadar gula. Penelitian di jurnal *Environmental Health Insights* pada 2010 menyatakan bahawa individu yang menghidap diabetes tahap 1 dan diabetes tahap 2 yang mengamalkan memakan bawang merah menunjukkan kadar glukosa yang lebih rendah hingga 4 jam.⁴⁰² Mineral kromium di dalam bawang membantu mengawal kadar gula dalam darah. Perkara ini adalah sangat penting bagi individu yang mengalami diabetes atau prediabetes. Selain itu, kandungan 'quercetin' juga dapat membantu mengurangkan rasa sakit pada bahagian kepala yang disebabkan selesema dan hidung tersumbat kerana kandungan sulfur pada bawang merah yang mampu memecahkan mukus. Kandungan flavonoid pada bawang merah ini dikatakan dapat membantu fungsi jantung. Selain itu, kandungan organosulfur pada bawang merah dapat membantu mencegah risiko munculnya penyakit kardiovaskular. Para pengamal tradisional percaya bawang merah dianggap sebagai tonik untuk organ dalaman. Kepercayaan itu berasaskan satu kajian yang menunjukkan kandungan sebatian organosulfur dalam bawang merah merupakan agen antiplatelet. Antiplatelet merupakan satu keadaan

⁴⁰¹ Ibid.

⁴⁰² Valda Garcia. Op.cit..

yang mana berlakunya pembekuan darah apabila berlaku kecederaan. Dengan mengambil bawang merah, ia dikatakan dapat merencatkan agrigasi platelet seterusnya mengurangkan risiko penyakit kardiovaskular.⁴⁰³ Ia juga mengandungi thiosulfates yang dapat membantu mengurangkan dan menurunkan risiko penyakit strok (angin ahmar)⁴⁰⁴ dan sebagai agen antiasma atau antilelah. Menurut Dr Mohammad Amir Wan Harun, sebatian sulfur thiosulfates yang terdapat di dalam bawang merah mampu meredakan penyakit asma. Ini kerana sulfur thiosulfates mampu menjadi agen untuk mengurangkan sempit yang dialami oleh pesakit.⁴⁰⁵ Bawang merah adalah sejenis sayuran yang mengandungi kandungan antioksidan yang tinggi dan ada kimia lain yang bersifat asidik juga antibakteria. Apabila kita potong bawang dan rasa mahu menangis, sebenarnya bawang itu melepaskan gas yang bersifat antibakteria. Sebab itu apabila kita letak di tepi katil pesakit demam atau selesema keadaan ini membantu menyelesaikan pesakit kerana bawang melepaskan gas antibakteria.⁴⁰⁶

k. Preskripsi 11: Ubat Penyakit Sembaran



Transliterasi:

Sebagailagi ubat penyakit sembaran namanya adapun perangai penyakit itu tikam menikam pada segala tubuh atau pada leher akan ubatnya ambil

⁴⁰³ Naimah Muhamamd. Op.cit.

⁴⁰⁴ Fairul Asmaini Mohd Pilus. Op.cit.

⁴⁰⁵ Naimah Muhamamd. Op.cit.

⁴⁰⁶ Mingguan Wanita. Op.cit.

sembaran maka mamah dengan sirih pinang maka semburkan pada penyakit itu.⁴⁰⁷

Jadual 30: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Sembaran


Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Sembaran	Tidak dinyatakan
2.	Sirih Pinang	Tidak dinyatakan
Jumlah		

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat penyakit sembaran adalah dengan mengunyah sembaran bersama sirih pinang, kemudian semburkan kepada penyakit itu.

4.4.2 Penggunaan Bahagian Haiwan

a. Preskripsi 12: Demam Kura



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam kura maka ambil tanduk lembu maka bakar pada pertama bulan maka bakar jangan berkata-kata setelah jadi habu maka minum bubuh air afiyat olehnya.⁴⁰⁸

Jadual 31: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Kura

⁴⁰⁷ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:130. h. 24.


⁴⁰⁸ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:133. h. 25.

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Tanduk Lembu	Tidak dinyatakan
Jumlah		Tidak dinyatakan

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ubat demam kura hanya dengan menggunakan tanduk lembu sahaja. Ia perlu dibakar pada bulan yang pertama sehingga menjadi abu dan tidak dibenarkan bercakap ketika membakar. Abu tersebut diletakkan air dan diminum.

b. Preskripsi 13: Demam Kura



Transliterasi:

Sebagailagi ubat demam kura ambil ayam seekor maka sembelih ambil darahnya maka ambil daun tarum maka pipis dengan hujung lukut mata kunyit mesrakan serta darah hayam itu maka tampalkan pada jari manis kanan hingga seruas in shaa Allah afiyat olehnya.⁴⁰⁹

Jadual 32: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Kura

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Ayam	Seekor
2.	Daun Tarum	Tidak dinyatakan

⁴⁰⁹ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:137. h. 25.

3.	Kunyit	Tidak dinyatakan
	Jumlah	Tidak dinyatakan

Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan membuat ubat demam kura, diperlukan darah ayam, daun tarum dan kunyit. Daun tarum perlu dilumatkan bersama kunyit serta disebatikan bersama darah ayam. Akhir sekali, tampalkan ramuan ke jari manis pesakit di sebelah kanan.

- i. Daun Tarum/Tarum (*Indigofera tinctoria* Linn.), nila, atau indigo dari famili Fabaceae iaitu sejenis tumbuhan yang boleh menghasilkan warna biru. Nama tarum berasal dari Bahasa Sunda. Tanaman tarum merupakan salah satu tanaman penghasil zat warna alami yang telah dikenal sejak lama di seluruh dunia. Kandungan yang terdapat dalam tanaman tarum adalah glikosida indican yang akan teroksidasi menjadi indigo. Indigo adalah sumber pewarna biru yang bersifat tidak larut dalam air tetapi larut dalam kloroform, nitrobenzena, atau asid sulfat pekat. Indigo merupakan golongan sebatian alkaloid.⁴¹⁰ Penggunaan pewarna dari daun ini kebiasaannya digunakan dalam pembuatan batik atau tenun ikat di Nusantara. Warna biru indigo diperoleh dari rendaman daun yang direndam semalaman. Tanaman ini mengandung glukosida indican (indoxyl- β -D-glucoside). Setelah tanaman ini direndam di dalam air, proses hidrolisis oleh enzim akan menguba indican menjadi indoxyl (tarum-putih) dan glukosa. Indoxyl dapat dioksidasi menjadi zat berwarna biru yang disebut indigo.⁴¹¹
- ii. Kunyit (*Curcuma longa* L.) yang berasal dari keluarga *Zingiberaceae* merupakan sejenis tumbuhan masakan dan ubatan. Kunyit membiak melalui

⁴¹⁰ Mira Ariyanti dan Yenni Asbur. 2017. Tanaman Tarum (*Indigofera Tinctoria* Linn.) Sebagai Penghasil Zat Pewarna. h. 121.

⁴¹¹ Mira Ariyanti dan Yenni Asbur. Op.cit. h. 115.

keratan rizom. Peranan kunyit dalam perubatan telah dikenal pasti sejak 3000 tahun lamanya. Bagi masyarakat Melayu, kunyit diminum sebagai jamu terutamanya bagi ibu selepas bersalin. Tujuannya adalah untuk mengecutkan rahim dan mencuci darah. Masyarakat Cina pula percaya bahawa kunyit boleh melancarkan peredaran darah dan menghilangkan kesan lebam dan darah beku. Dalam perubatan Thai, kunyit digunakan untuk merawat bisa patukan ular tedung. Masyarakat Melayu Sarawak mengamalkan bunga kunyit sebagai ulam terutama bagi wanita selepas bersalin. Ia dikaitkan sama khasiatnya dengan mengamalkan ibu kunyit, iaitu menyembuhkan luka bersalin dan memulihkan rahim dan untuk awet muda. Ini kerana kunyit mempunyai sifat antibakteria yang membantu mempercepatkan proses penyembuhan luka.⁴¹² Pengamal perubatan tradisional mengakui kunyit boleh membantu mengatasi masalah demam kuning, darah tinggi, batuk, cirit-birit, radang ginjal, kekejangan dan sebagai penyegar badan.⁴¹³ Bahan kimia utama yang terkandung dalam kunyit terdiri daripada Curcumin.⁴¹⁴ Curcumin merupakan komponen utama curcuminoids yang bertindak sebagai agen antiradang dan untuk itu, ia telah digunakan dalam penyembuhan luka, hepatoprotection (keupayaan untuk melindungi kerosakan hati), dan neuroprotection. Kunyit juga dianggap sebagai herba yang paling berkesan untuk menghalang keradangan sakit sendi selain daripada mengurangkan kesakitan. Pengambilan harian sebanyak 4 mg curcuminoids boleh menghalang keradangan sendi arthritis.⁴¹⁵ Penyelidikan yang dijalankan dalam kalangan penduduk Asia mendapati bahawa individu

⁴¹² Noraida Arifin. Op.cit. h. 127.


⁴¹³ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 57 & 58.

⁴¹⁴ Hannef Esquander. Op.cit.


⁴¹⁵ Farah Aziz. Op.cit.

yang makan lebih banyak kari mendapat skor yang lebih tinggi pada ujian fungsi kognitif (ujian yang mengukur ingatan, rentang perhatian, dan sebagainya) berbanding daripada mereka yang tidak makan rempah ratus dengan mencukupi. Para saintis mencatatkan manfaat ini terhasil daripada kunyit, yang merupakan sebahagian daripada diet utama masyarakat di Asia.⁴¹⁶ Menurut tinjauan 2017 dalam jurnal Farmakologi Penyelidikan, antioksidan tumbuhan ini (curcumin) dan sebatian antiradang boleh membantu melindungi daripada keadaan jantung tertentu, termasuk penyakit otot jantung dan arrhythmia (degupan jantung yang tidak teratur). Terdapat juga penyelidikan yang membuktikan kunyit menguatkan pundi hempedu, menyekat pembekuan darah yang bahaya, mengurangkan toksin hati, membantu metabolisme lemak dan anti keradangan yang bukan steroid.⁴¹⁷ Kunyit juga mempunyai sifat analgesik yang dapat mengurangkan kesakitan. Ia digunakan bagi merawat luka luaran dan dalaman.⁴¹⁸

c. Preskripsi 14: Demam Kura



مکمل دماکن تیک فان عایله الهمی سبانی لکن اوبیت دم کورامیروسی
بارغ تغه چووفق اتو کل مک میانم امیر کارم سکتکم هرت باو کسوتی



کتیک کورایت داتغ ماکن سوات کارم ایت تکال میلم دالم ایرجاغن
سدیکه فون تغه عایله الهمی سبانی لکن اوبیت دم کورامیروسی

Transliterasi:

⁴¹⁶ Ibid.

⁴¹⁷ Nasnan Jajuli. Op.cit. h. 58.

⁴¹⁸ Noraida Arifin. Op.cit. h. 127.

Sebagailagi ubat demam kura ambil susu barang tengah cupak atau segala maka minum ambil garam segenggam herat bawa ke sungai ketika kura itu datang makan semuanya garam itu tatkala menyelam dalam air jangan sedikit pun tanggal afiyat olehnya.⁴¹⁹


Jadual 33: Matera Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Kura

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Susu	½ Cupak
2.	Garam	Segenggam
Jumlah		


Sumber: MSS 2502

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat dan menyediakan ramuan ubat demam kura, hanya dengan menggunakan dua bahan yang tersebut di atas. Minum susu setengah cupak, kemudian pergi ke sungai dengan membawa garam, apabila kura muncul terus makan garam itu sehingga habis.

d. Preskripsi 15: Demam Dua Hari Berhangat



⁴¹⁹ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:140. h. 25 & 26.



Transliterasi:

Keempat bagi demam iaitu dua hari berhangat sehari datang pertama datangnya itu sedikit jiwa panas kemudian maka jadi tubuhnya seperti di tikam-tikam dengan jarum dan beratlah akan ubatnya ambil minyak susu lembu dan air madu yang sudah terbuang kepalanya maka tangkur susu lembu atas keduanya itu maka diminum segera ubat tiada lah lagi ubat yang baik daripada ubat ini jangan makan makanan yang lain barangkali datang sakitnya maka minum segera Kata Tabib akan ubat ini demam ketika itu diminum minyak lenga yang baharu di apit sehari tiga tahlil beratnya afiyat olehnya.⁴²⁰

Jadual 34: Materia Medika Yang Digunakan Bagi Merawat Penyakit Demam Dua Hari Berhangat

Bil.	Materia Medika	Bil. Penggunaan Dalam Kaedah Rawatan
1.	Minyak Susu Lembu	Tidak dinyatakan
2.	Madu	Tidak dinyatakan
3.	Minyak Lenga	Tidak dinyatakan
Jumlah		

Sumber: MSS 2502

⁴²⁰ n.a. n.d. MSS 2502. Op.cit. 2502:104. h. 18 & 19.

Berdasarkan preskripsi diatas cara untuk merawat demam iaitu dua hari berhangat sehari datang, sediakan minyak susu lembu dan air madu. Kemudian, *tangkur* susu lembu diatas minyak dan madu dan terus diminum. Jika sakit semula, minum minyak lenga.

4.5 KESIMPULAN

Analisa terhadap bab ini membicarakan mengenai preskripsi, kaedah rawatan dan materia medika yang dipunyai oleh manuskrip MSS 2502. Berdasarkan kepada analisa dilakukan oleh penulis juga, kajian mendapati bahawa bagi keseluruhan penyakit demam yang dibicarakan di dalam bab ini, penulis MSS 2502 telah menggunakan sebanyak 38 jenis herba dan tumbuhan, empat jenis haiwan yang mana ia menggunakan bahagian-bahagian tertentu sahaja, serta bahan-bahan bukan vegetatif yang lain seperti cuka, susu, madu, arak, besi, air bermalam dan lain-lain bahan seperti dinyatakan di preskripsi di atas. Berdasarkan pandangan penulis, ada sebahagian daripada herba-herba dan tumbuhan tersebut amat mudah didapati di sekitar rumah dan di pasaran seperti bawang merah, serai, kunyit, cekur, sirih, limau purut dan sebagainya. Penggunaan flora yang terdapat di sekeliling rumah misalnya bukan sahaja menjimatkan tenaga dan masa, malahan terjamin kebersihannya kerana berada di depan mata dan tidak dicemari dengan racun serangga dan bahan kimia lain. Seseengah herba dan tumbuhan yang lain mungkin agak sukar untuk ditemui dan memerlukan kepakaran dan keahlian dalam mengenalpasti herba-herba yang menyebabkan perawat perlu meneroka hutan untuk mendapatkan herba-herba atau tumbuhan tersebut seperti cendana, dan lain-lain yang digunakan oleh perawat. Daripada huraian ini, jelaslah bahawa masyarakat dahulu banyak bergantung kepada tumbuh-tumbuhan dalam perubatan tradisional mereka. Masyarakat dahulu percaya setiap jenis tumbuhan mempunyai khasiat dan memberi

manfaat kepada kesihatan mereka. Tumbuh-tumbuhan bukan sahaja digunakan untuk merawat dan mengubati penyakit, malah ia juga dijadikan sebagai satu kaedah untuk mencegah penyakit. Selain itu, penggunaan haiwan dan bahagian-bahagiannya (zooterapi)⁴²¹ juga menjadi salah satu bahan dalam merawat demam. Kebanyakan masyarakat Melayu menggunakan haiwan bagi tujuan perubatan tradisional. Bahagian dan campuran yang diperolehi daripada haiwan banyak digunakan bagi rawatan pelbagai jenis penyakit dan mengatasi masalah kesihatan manusia. Antara bahagian haiwan yang digunakan adalah kulit harimau, tanduk lembu, darah ayam, dan hempedu landak. Penggunaan bahan rawatan asli yang terdiri daripada flora dan fauna secara teratur atas nasihat pihak tertentu dapat membantu masyarakat merawat pelbagai jenis penyakit yang disebabkan oleh faktor fizikal atau spiritual. Walaubagaimanapun penggunaan bahan-bahan tersebut tidak boleh secara sewenang-wenangnya digunakan kerana dikhuatiri akan memudaratkan kesihatan. Variasi perbincangan bagi setiap genre ilmu yang berbeza ini jelas melambangkan ketinggian intelektual yang dimiliki oleh masyarakat dahulu. Disamping itu, penulis juga menyetengahkan ilmu-ilmu tradisional dalam kitab Tib yang bertujuan untuk melihat konsep kesihatan dan juga pemilihan materia medika yang dipegang oleh kebanyakan pengamal perubatan Melayu yang mana boleh menjadi sandaran kepada rawatan alternatif pada hari ini.

⁴²¹ Siti Zubaidah et al. "Penggunaan Haiwan Bagi Perubatan Tradisional Dalam Kalangan Masyarakat Pribumi Di Asia: Satu Ulasan". *Malaysia Journal of Society and Space*. 2012. h. 53.